

D.R. 29/2009

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan am

2. Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 [*Akta 441*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda—

(a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “an offshore” dan “An offshore”, di mana-mana jua terdapat, masing-masing dengan perkataan “a Labuan” dan “A Labuan”;

- (b) dengan menggantikan perkataan “LUAR PESISIR”, “Luar Pesisir” dan “luar pesisir”, di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam takrif “syarikat luar pesisir” dalam subseksyen 2(1) dan dalam ungkapan “Akta Bank Luar Pesisir 1990” dan “Akta Insurans Luar Pesisir 1990” dalam subseksyen 152(1), masing-masing dengan perkataan “LABUAN”, “Labuan” dan “Labuan”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “Pendaftar”, di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam takrif “Pendaftar” dalam subseksyen 2(1), dengan perkataan “Lembaga”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan “syarikat amanah” dengan perkataan “syarikat amanah Labuan”, di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam takrif “syarikat amanah” dalam subseksyen 2(1), dengan perkataan “syarikat amanah Labuan”.

Pindaan seksyen 2

3. Subseksyen 2(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan takrif “debentur” dengan takrif yang berikut:

“debentur” termasuklah saham debentur, bon, nota dan apa-apa keterangan lain mengenai keterhutangan sesuatu perbadanan kerana wang yang dipinjam, sama ada atau tidak merupakan suatu gadaian ke atas aset perbadanan itu, tetapi tidak boleh ditafsirkan sebagai terpakai bagi mana-mana yang berikut:

- (a) apa-apa surat cara yang mengesahkan atau mewujudkan keterhutangan bagi, atau bagi wang yang dipinjam untuk membayar balasan yang kena dibayar di bawah, suatu kontrak bagi penjualan atau pembekalan barang, harta atau perkhidmatan atau apa-apa kontrak untuk sewaan dalam perjalanan biasa perniagaan;
- (b) cek, draf bank atau apa-apa bil pertukaran atau surat kredit yang lain;
- (c) nota bank, jaminan atau polisi insurans;
- (d) penyata, buku bank atau dokumen lain yang menunjukkan apa-apa baki dalam akaun semasa, deposit atau simpanan;

- (e) apa-apa perjanjian bagi pinjaman jika pemberi pinjam dan peminjam ialah penandatanganan kepada perjanjian itu dan jika pemberian pinjaman wang itu adalah dalam perjalanan biasa perniagaan pemberi pinjam itu, dan apa-apa nota janji hutang yang dikeluarkan di bawah terma perjanjian itu; atau
- (f) apa-apa surat cara atau produk atau kelas surat cara atau produk yang ditetapkan oleh Menteri, atas syor Lembaga, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;’;

(b) dengan memotong takrif “debentur bercagar”;

(c) dengan menggantikan takrif “ditetapkan” dengan takrif yang berikut:

‘ “ditetapkan”, jika tiada cara disebut, ertinya ditetapkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, dan kuasa untuk menetapkan termasuklah kuasa untuk membuat peruntukan yang berlainan dalam perintah itu bagi orang yang berlainan atau golongan, kategori atau perihalan orang yang berlainan;’;

(d) dengan memotong takrif “dolar”;

(e) dengan memasukkan selepas takrif “juruaudit yang diluluskan” takrif yang berikut:

‘ “kesalahan serius yang melibatkan fraud atau kecurangan” ertinya suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun atau, jika terdapat kerugian nilai aset yang diperoleh atau yang mungkin diperoleh yang dialami oleh syarikat, anggota atau pemegang debentur daripada pelakuan kesalahan itu, kerugian itu melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit;’;

(f) dengan memasukkan selepas takrif “Labuan” takrif yang berikut:

‘ “Lembaga” ertinya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [Akta 545];’;

(g) dengan memasukkan selepas takrif “Mahkamah” takrif yang berikut:

‘ “mahkamah” ertinya mahkamah yang berbidang kuasa berwibawa;’;

(h) dengan memasukkan selepas takrif “Menteri” takrif yang berikut:

‘ “menyatakan”, jika tiada cara disebut, ertinya dinyatakan dari semasa ke semasa secara bertulis, dan kuasa untuk menyatakan termasuklah kuasa untuk menyatakan berlainan bagi orang yang berlainan atau golongan, kategori dan perihalan orang yang berlainan;’;

(i) dengan memotong takrif “modal syer terbitan”;

(j) dalam takrif “pakar”, dengan memasukkan selepas perkataan “akauntan,” perkataan “peguam cara,”;

(k) dengan memasukkan selepas takrif “pegawai” takrif yang berikut:

‘ “pegawai diberi kuasa” ertinya pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Lembaga;’;

(l) dengan memotong takrif “penaja”;

(m) dengan memotong takrif “Pendaftar”;

(n) dengan menggantikan takrif “Perbadanan” dengan takrif yang berikut:

‘ “perbadanan” ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan yang dibentuk, diperbadankan atau yang ada di dalam Malaysia atau di luar Malaysia dan termasuk sesuatu syarikat Labuan asing tetapi tidak termasuk —

(a) mana-mana perbadanan seorang;

(b) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagai kesatuan sekerja; atau

(c) mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan koperasi;’;

- (o) dengan memasukkan selepas takrif “perbadanan” takrif yang berikut:

“perisytiharan kesolvenan” ertinya suatu perisytiharan kesolvenan oleh pengarah-pengarah syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing, sebagaimana dan apabila dikehendaki oleh peruntukan Akta ini, dan yang disifatkan sebagai suatu akuan berkanun mengikut pengertian dan kuat kuasa di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 60*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*];’;

- (p) dengan memasukkan selepas takrif “pos” takrif yang berikut:

“ringgit” ertinya ringgit dalam mata wang Malaysia;

“syarikat amanah Labuan” ertinya sesuatu perbadanan yang didaftarkan sebagai suatu syarikat amanah Labuan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 [*Akta*];’;

- (q) dengan memotong takrif “prospektus”;

- (r) dengan memotong takrif “syarikat amanah”;

- (s) dalam takrif “syarikat asing”, dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “syarikat,” perkataan “perbadanan,”;

- (t) dengan memasukkan selepas takrif “syarikat asing” takrif yang berikut:

“syarikat berhad dengan jaminan” ertinya sesuatu syarikat yang dibentuk atas prinsip liabiliti anggotanya dihadkan oleh memorandumnya kepada apa-apa amaun yang anggota itu masing-masing boleh mengaku janji untuk menyumbang kepada aset syarikat itu sekiranya syarikat itu digulungkan;

“syarikat berhad dengan syer” ertinya sesuatu syarikat yang dibentuk atas prinsip liabiliti anggotanya dihadkan oleh memorandumnya kepada amaun, jika ada, yang belum dibayar atas syer yang dipegang oleh mereka masing-masing;’;

- (u) dengan memasukkan selepas takrif “syarikat domestik” takrif yang berikut:

‘ “syarikat Labuan” ertinya sesuatu syarikat yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta ini;’;

- (v) dengan memotong takrif “syarikat luar pesisir”;

- (w) dengan memasukkan selepas takrif “syarikat Labuan asing” takrif yang berikut:

‘ “syarikat sel terlindung Labuan” ertinya sesuatu syarikat yang diperbadankan sebagai, atau yang ditukar menjadi, suatu syarikat sel terlindung mengikut peruntukan Bahagian VIII B Akta ini;

“syarikat tidak berhad” ertinya sesuatu syarikat yang dibentuk atas prinsip tiada had diletakkan ke atas liabiliti anggotanya;’;

- (x) dengan memasukkan selepas takrif “syer” takrif yang berikut:

‘ “syer perbendaharaan” ertinya syer sesuatu perbadanan yang dahulunya diterbitkan tetapi dibeli semula, ditebus atau selainnya diperolehi oleh perbadanan itu dan tidak dibatalkan;’; dan

- (y) dalam takrif “tarikh pembayaran fi tahunan”, dengan menggantikan perkataan “subseksyen 15(6)” dengan perkataan “subseksyen 151(1)”.

Pemotongan seksyen 5 dan 6

4. Akta ini dipinda dengan memotong seksyen 5 dan 6.

Pindaan seksyen 7

5. Akta ini dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan seksyen yang berikut:

“Maksud yang dibenarkan bagi pemerbadanan

7. (1) Sesuatu syarikat Labuan boleh diperbadankan bagi apa-apa maksud yang sah dan, tertakluk kepada mana-

mana undang-undang bertulis lain mengenai perkhidmatan kewangan yang terpakai bagi Labuan, hendaklah menjalankan perniagaannya hanya di, dari atau melalui Labuan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), sesuatu syarikat Labuan boleh menjalankan perniagaan dengan seorang pemastautin.

(3) Tiada syarikat Labuan boleh—

- (a) menerbitkan atau menawarkan kepada mana-mana pemastautin untuk memohon beli atau membeli; atau
- (b) mempelawa mana-mana pemastautin untuk memohon beli atau membeli,

apa-apa kepentingan menurut Penggal 5, Bahagian IV Akta Syarikat 1965 jika terbitan atau tawaran itu atau pelawaan itu dibuat di Malaysia selain Labuan, melainkan jika peruntukan Penggal itu dipatuhi.

(4) Tiada syarikat Labuan boleh menjalankan perniagaan dalam ringgit—

- (a) kecuali untuk membayar perbelanjaan pentadbiran dan perbelanjaan berkanunnya;
- (b) melainkan jika dibenarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009 [*Akta*];
- (c) kecuali berhubung dengan pemegangan pelaburan dalam sesuatu syarikat domestik;
- (d) kecuali berhubung dengan pemegangan obligasi hutang oleh sesuatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing; atau
- (e) kecuali bagi pembayaran berhubung perhubungan profesionalnya dengan orang yang dinyatakan dalam perenggan (6)(c).

(5) Jika sesuatu syarikat Labuan menjalankan perniagaan dengan seorang pemastautin, syarikat Labuan itu hendaklah memberitahu Lembaga mengenai apa-apa transaksi antara syarikat Labuan itu dengan pemastautin itu dalam tempoh sepuluh hari bekerja dari transaksi sedemikian.

(6) Walau apa pun subseksyen (5), sesuatu syarikat Labuan tidak dikehendaki memberitahu Lembaga tentang transaksi antara syarikat Labuan itu dengan pemastautin itu jika—

- (a) syarikat Labuan itu menjalankan apa-apa aktiviti berlesen dengan seorang pemastautin di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009;
- (b) syarikat Labuan itu membuat atau menyenggarakan deposit dengan seseorang yang menjalankan perniagaan dalam Malaysia;
- (c) syarikat Labuan itu membuat atau mengekalkan hubungan profesional dengan mana-mana peguam, wakil, akauntan, penyimpan kira-kira, syarikat amanah Labuan atau suatu perbadanan yang dimiliki sepenuhnya oleh suatu syarikat amanah Labuan yang disediakan oleh syarikat amanah Labuan itu untuk bertindak atau dilantik sebagai pengarah pemastautin atau setiausaha pemastautin sesuatu syarikat Labuan, syarikat pengurusan, penasihat pelaburan atau orang lain yang serupa yang menjalankan perniagaan dalam Malaysia;
- (d) syarikat Labuan itu menyediakan atau menyenggarakan buku dan rekod dalam Malaysia;
- (e) syarikat Labuan itu mengadakan, dalam Malaysia, mesyuarat pengarahnya atau anggotanya;
- (f) syarikat Labuan itu memperoleh atau memegang apa-apa pajakan ke atas apa-apa harta bagi maksud operasinya atau sebagai tempat tinggal bagi pegawainya atau pekerjanya;
- (g) syarikat Labuan itu memegang syer, obligasi hutang atau sekuriti lain dalam syarikat yang diperbadankan di bawah Akta ini atau dalam syarikat domestik, atau memegang syer, obligasi hutang atau sekuriti lain termasuk syer dan apa-apa harta yang diperuntukkan sebagai sandaran untuk menjamin apa-apa peminjaman bagi maksud sesuatu transaksi yang dibuat dalam perjalanan biasa perniagaan berkaitan dengan pemberian pinjaman wang; atau
- (h) seorang pemastautin Malaysia memegang syer dalam syarikat Labuan itu.

Pindaan seksyen 8

6. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 8 dengan seksyen yang berikut:

“Pentadbiran syarikat Labuan

8. (1) Lembaga bertanggungjawab bagi pentadbiran wajar Akta ini, dan tertakluk kepada arahan dan kawalan am Lembaga dan kepada apa-apa sekatan dan batasan yang ditetapkan, apa-apa yang dikehendaki oleh Akta ini supaya dilantik, diberi kuasa, dilakukan atau ditandatangani oleh Lembaga boleh dilantik, diberi kuasa, dilakukan atau ditandatangani oleh seseorang pegawai diberi kuasa Lembaga dan hendaklah sama sahnyanya dan sama kesannya seolah-olah dilantik, diberi kuasa, dilakukan atau ditandatangani oleh Lembaga.

(2) Tiada seorang pun yang berurusan dengan mana-mana pegawai diberi kuasa Lembaga boleh mengambil berat untuk melihat atau bertanya sama ada apa-apa sekatan atau batasan telah ditetapkan, dan tiap-tiap tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh pegawai diberi kuasa itu, setakat yang tindakan yang diambil atau tidak diambil itu menjejaskan mana-mana orang itu, hendaklah sama sahnyanya dan sama kesannya seolah-olah tindakan itu diambil atau tidak diambil oleh Lembaga.

(3) Semua mahkamah, hakim dan orang yang bertindak secara kehakiman hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman akan meterai Lembaga.

(4) Bagi maksud menentukan sama ada sesuatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing mematuhi Akta ini, Lembaga atau mana-mana pegawai diberi kuasa Lembaga boleh menghendaki syarikat Labuan itu atau syarikat Labuan asing itu atau mana-mana pegawai syarikat Labuan itu atau syarikat Labuan asing itu untuk mengemukakan apa-apa buku, buku minit, daftar atau rekod yang dikehendaki disimpan oleh syarikat itu di bawah atau oleh Akta ini untuk diperiksa oleh Lembaga atau pegawai diberi kuasa.

(5) Sesuatu syarikat Labuan, syarikat Labuan asing atau mana-mana pegawai syarikat itu hendaklah, apabila dikehendaki oleh Lembaga atau mana-mana pegawai diberi kuasa untuk berbuat demikian di bawah subseksyen (4), mengemukakan buku, buku minit, daftar atau rekod itu.

(6) Sesuatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing hendaklah membayar apa-apa fi yang ditetapkan kepada Lembaga.”.

Pindaan seksyen 9

7. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “syarikat amanah Labuan” perkataan “atau mana-mana entiti lain yang diluluskan oleh Lembaga”; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “syarikat amanah Labuan” perkataan “atau mana-mana entiti lain yang diluluskan oleh Lembaga”; dan

(ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “Bahagian VIII A” dengan perkataan “Bahagian VIII Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 atau seorang pelikuidasi yang diluluskan jika sesuatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing sedang dilikuidasikan”.

Pindaan seksyen 9A

8. Seksyen 9A Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(5A) Walau apa pun subseksyen (5), sesuatu dokumen yang ditandatangani secara elektronik tidak boleh dikehendaki supaya diperakukan atau disahkan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen itu.”;

(b) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “his”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “its”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(7) Jika sesuatu dokumen diserahkan atau difailkan secara elektronik sebagai ganti sesuatu akuan berkanun, suatu perisytiharan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga hendaklah diserahkan atau difailkan secara elektronik dengan Lembaga, dan perisytiharan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu perisytiharan di bawah seksyen 199 dan 200 Kanun Keseksaan.

(8) Jika sesuatu dokumen yang diserahkan atau difailkan secara elektronik tidak mematuhi peruntukan yang berhubungan dengan pemfailan elektronik di bawah Akta ini, Lembaga berhak menyampaikan notis kepada syarikat amanah Labuan itu kerana ketidakpatuhan itu, dan jika suatu dokumen gantian diserahkan atau difailkan dalam tempoh yang ditetapkan, dokumen gantian itu hendaklah disifatkan sebagai telah diserahkan atau difailkan mengikut kehendak Akta ini, dan tiada penalti akan dikenakan dalam tempoh yang ditetapkan ini.”.

Pindaan seksyen 9B

9. Seksyen 9B Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen itu sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh disifatkan sebagai tidak selaras dengan seksyen 90A, 90B dan 90c Akta Keterangan 1950, dan “orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan dan pengendalian komputer” hendaklah bagi maksud seksyen ini disifatkan sebagai Lembaga.”.

Seksyen baru 9d

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 9c seksyen yang berikut:

“Pengeluaran dokumen secara elektronik

9d. (1) Lembaga boleh, melalui cara elektronik, mengeluarkan apa-apa dokumen yang dikehendaki dikeluarkan olehnya.

(2) Suatu salinan atau cabutan daripada mana-mana dokumen yang dikeluarkan secara elektronik oleh Lembaga di bawah subseksyen (1), yang diperakui sewajarnya oleh Lembaga sebagai salinan benar atau cabutan daripada dokumen sedemikian, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding sebagai sama kesahannya dengan dokumen asal.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (2) boleh disifatkan sebagai tidak selaras dengan seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950, dan “orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan dan pengendalian komputer” hendaklah bagi maksud seksyen ini disifatkan sebagai Lembaga.”.

Pindaan seksyen 10

11. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “he” dengan perkataan “the Authority”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Seseorang juruaudit yang diluluskan hendaklah menyerahkan atau memfailkan apa-apa dokumen yang dikehendaki supaya diserahkan atau difailkan di bawah Akta ini dalam tempoh yang ditentukan.

(7) Seseorang juruaudit yang diluluskan yang tidak membayar fi tahunan yang dikehendaki di bawah subseksyen (5) atau tidak menyerahkan atau memfailkan apa-apa dokumen sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (6) melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 11

12. Perenggan 11(1)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ribu dolar” dengan perkataan “dua puluh ribu ringgit”.

Pindaan seksyen 12

13. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “he” dengan perkataan “the Authority”;
- (b) dalam perenggan (4)(b), dengan menggantikan perkataan “lima ribu dolar” dengan perkataan “dua puluh ribu ringgit”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Seseorang pelikuidasi yang diluluskan hendaklah menyerahkan atau memfailkan apa-apa dokumen yang dikehendaki supaya diserahkan atau difailkan di bawah Akta ini dalam tempoh yang ditentukan.

(7) Seseorang pelikuidasi yang diluluskan yang tidak mematuhi subseksyen (6) melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 13

14. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Lembaga hendaklah menyimpan apa-apa daftar yang difikirkannya perlu mengikut apa-apa bentuk yang difikirkannya patut.”;

- (b) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “dia” dengan perkataan “Lembaga”;

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen yang berikut:

“(6A) Pendaftaran atau penerimaan sesuatu dokumen, atau keengganan untuk mendaftarkan atau menerima sesuatu dokumen, oleh Lembaga tidak—

(a) menyentuh kesahan dokumen itu; atau

(b) mewujudkan suatu anggapan tentang ketepatan maklumat yang terkandung dalam dokumen itu.

(6B) Tertakluk kepada subseksyen (6C) dan (7), Lembaga boleh mengeluarkan sesuatu dokumen yang telah diserahkan kepadanya jika Lembaga mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dokumen itu bertentangan dengan undang-undang atau tidak mematuhi kehendak material Akta ini.

(6C) Lembaga hendaklah memberi peluang kepada orang yang menyerahkan dokumen yang disebut dalam subseksyen (6B) untuk menunjukkan sebab mengapa dokumen itu tidak patut dikeluarkan.”;

(d) dalam teks bahasa Inggeris, dalam perenggan (8)(a), dengan menggantikan perkataan “him” dengan perkataan “the Authority”; dan

(e) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen (9), dengan menggantikan perkataan “his” dengan perkataan “its”.

Pindaan seksyen 14

15. Seksyen 14 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Sesuatu syarikat Labuan boleh menjadi—

(a) syarikat berhad dengan syer;

(b) syarikat berhad dengan jaminan; atau

(c) syarikat tidak berhad.”.

Pindaan seksyen 15

16. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Apabila memorandum didaftarkan, Lembaga hendaklah memperakui di bawah meterainya bahawa syarikat itu, pada dan dari tarikh yang dinyatakan dalam perakuan itu, diperbadankan sebagai suatu syarikat Labuan berhad dengan syer atau jaminan atau ialah suatu syarikat tidak berhad.”;

- (b) dengan memotong subseksyen (6);

- (c) dalam subseksyen (7), dengan memasukkan selepas perkataan “dalam memorandum itu” perkataan “atau sumbangannya kepada modal syarikat itu”; dan

- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

“(8) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan, garis panduan atau permintaan yang didapatinya perlu berkenaan dengan pendaftaran dan pemerbadanan sesuatu syarikat Labuan, termasuk—

- (a) bentuk notis yang dikehendaki diberikan kepada Lembaga di bawah Akta ini; dan

- (b) tatacara yang kena diikuti apabila mendaftarkan dokumen di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 16

17. Subseksyen 16(2) Akta ibu dipinda, dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “he”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “it”.

Pindaan seksyen 17

18. Subseksyen 17(1) Akta ibu dipinda, dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “he” dan “his” masing-masing dengan perkataan “it” dan “its”.

Pindaan seksyen 18**19. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “amaun” perkataan “dan jenis mata wang”;
- (ii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (d);
- (iii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (e) dengan perkataan “; dan”; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(f) jika syarikat Labuan itu ialah suatu syarikat berhad dengan jaminan—

- (i) bahawa liabiliti anggotanya adalah terhad;
- (ii) bahawa setiap anggotanya mengaku janji untuk menyumbang kepada aset syarikat Labuan itu; dan
- (iii) bahawa setiap anggota mengaku janji untuk menyumbang kepada aset syarikat Labuan itu, mengikut apa-apa amaun yang dikehendaki tetapi tidak melebihi amaun yang dinyatakan dalam jaminan itu, sekiranya syarikat itu digulungkan semasa dia menjadi anggota atau dalam tempoh satu tahun selepas dia berhenti menjadi anggota bagi pembayaran hutang dan liabiliti syarikat Labuan itu yang dibuat sebelum dia berhenti menjadi anggota dan bagi pembayaran kos, caj dan perbelanjaan penggulungan dan bagi pelarasan hak pencarum sesama mereka sendiri.”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Anggota syarikat Labuan hendaklah bertanggung kepada syarikat itu bagi amaun yang belum dibayar bagi syer atau jaminan mereka tetapi liabiliti mereka sebagai anggota adalah, tertakluk kepada Akta ini, terhad kepada amaun, jika ada, yang masih belum dibayar bagi syer atau jaminan yang dipegang oleh mereka.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana peruntukan atau bahagiannya yang pada masa itu telah ada dalam memorandum mana-mana syarikat yang menyatakan—

(a) amaun modal syer yang dengannya syarikat itu bercadang untuk didaftarkan atau telah didaftarkan; atau

(b) pembahagian modal syer syarikat itu kepada syer mengikut amaun yang telah ditentukan,

hendaklah, setakat yang peruntukan itu berhubungan dengan perkara yang disebut dalam salah satu atau kedua-dua perenggan (a) dan (b), disifatkan telah dipotong.

(4) Memorandum sesuatu syarikat Labuan boleh didaftarkan dalam apa-apa huruf, abjad atau bahasa, dengan syarat bahawa memorandum itu disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa Inggeris yang tepat dan terperaku.”.

Pindaan seksyen 19

20. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 19 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa syarikat

19. (1) Tertakluk kepada Akta ini, dan mana-mana undang-undang bertulis di Labuan mengenai perkhidmatan kewangan, sesuatu syarikat Labuan hendaklah mempunyai keupayaan, hak,

kuasa dan keistimewaan sepenuhnya untuk menjalankan atau mengusahakan apa-apa perniagaan atau aktiviti, melakukan apa-apa tindakan, atau membuat apa-apa transaksi.

(2) Memorandum dan perkara sesuatu syarikat Labuan boleh mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan keupayaan, hak, kuasa atau keistimewaan terhad syarikat itu.”.

Pindaan seksyen 21

21. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2B) subseksyen yang berikut:

“(2C) Subseksyen (2) tidak terpakai bagi sesuatu syarikat Labuan yang diperbadankan bagi maksud yang tidak membawa keuntungan termasuk maksud sosial, khairat atau pendidikan.

(2D) Jika sesuatu syarikat Labuan mempunyai huruf atau abjad yang bukan dalam huruf rumi sebagai sebahagian daripada namanya, suatu terjemahan yang tepat dan terperaku bagi nama itu dalam bahasa Inggeris hendaklah digunakan dan disebut dengan jelas dalam—

(a) tiap-tiap komunikasi bertulis yang dihantar oleh, atau bagi pihak, syarikat itu; dan

(b) tiap-tiap dokumen yang dikeluarkan atau ditandatangani oleh, atau bagi pihak, syarikat itu yang membuktikan atau mewujudkan suatu obligasi undang-undang syarikat itu.”;

(b) dalam subseksyen (3), dengan memotong perkataan “dan sebaliknya”; dan

(c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “dia” dengan perkataan “Lembaga”.

Pindaan seksyen 22

22. Akta ibu dipinda dalam seksyen 22—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “dia” dengan perkataan “Lembaga”; dan
- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “Satu” dengan perkataan “Sepuluh”.

Pindaan seksyen 23

23. Seksyen 23 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Perkara boleh diserahkan dalam huruf, abjad atau bahasa asing, dengan syarat bahawa perkara itu disertakan dengan terjemahan yang tepat dan terperinci dalam bahasa Inggeris baginya, dan sekiranya terdapat percanggahan, pengertian perkataan dalam huruf, abjad atau bahasa asal hendaklah terpakai.”.

Pindaan seksyen 25

24. Subseksyen 25(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Satu” dengan perkataan “Sepuluh”.

Pindaan seksyen 26

25. Seksyen 26 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Sesuatu syarikat Labuan boleh, jika dibenarkan oleh perkaranya, menubuhkan cawangan atau pejabat di mana-mana bahagian dunia, tetapi ia tidak boleh menubuhkan cawangan atau pejabat di mana-mana bahagian Malaysia di luar Labuan kecuali sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga.”.

Pemotongan Penggal 1 dan 2 Bahagian IV

26. Bahagian IV Akta ibu dipinda dengan memotong Penggal 1 dan 2 yang masing-masing mengandungi seksyen 28 hingga 39 dan seksyen 40 hingga 42.

Pindaan seksyen 43**27.** Seksyen 43 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Lembaga boleh meminta maklumat atau dokumen tambahan daripada sesuatu syarikat Labuan berkenaan dengan penyata pengumpulannya di bawah seksyen ini.”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Satu” dengan perkataan “Sepuluh”.

Penggantian seksyen 46**28.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 46 dengan seksyen yang berikut:**“Syer tiada nilai tara atau bernilai nominal**

46. (1) Syer sesuatu syarikat Labuan hendaklah syer tiada nilai tara atau syer bernilai nominal.

(2) Berhubung dengan syer yang diterbitkan oleh sesuatu syarikat Labuan sebelum tarikh kuat kuasa—

(a) amaun yang dibayar ke atas syer itu hendaklah suatu jumlah kesemua amaun yang telah dibayar kepada syarikat Labuan itu pada bila-bila masa bagi syer itu (tetapi tidak termasuk apa-apa premium); dan

(b) amaun yang belum dibayar ke atas syer itu hendaklah perbezaan antara harga terbitan syer itu (tetapi tidak termasuk apa-apa premium) dengan amaun yang telah dibayar ke atas syer itu.

(3) Apa-apa amaun yang ada pada kredit akaun premium syer sesuatu syarikat Labuan dan apa-apa amaun yang ada pada kredit rizab tebus modal sesuatu syarikat Labuan sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah menjadi sebahagian daripada modal syer syarikat itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), sesuatu syarikat Labuan boleh menggunakan amaun yang ada pada kredit akaun premium syernya untuk—

- (a) memperuntukkan bagi premium yang kena dibayar ke atas penebusan debentur atau syer keutamaan boleh tebus yang diterbitkan sebelum tarikh kuat kuasa itu;
- (b) menghapus kira—
 - (i) perbelanjaan permulaan syarikat Labuan itu yang dilakukan sebelum tarikh kuat kuasa itu; atau
 - (ii) apa-apa perbelanjaan yang dilakukan, atau komisen atau brokeraj yang dibayar, atau diskaun yang dibenarkan, pada atau sebelum tarikh kuat kuasa itu, bagi atau ke atas apa-apa duti, fi atau cukai yang kena dibayar ke atas atau berkaitan dengan apa-apa terbitan syer syarikat itu;
- (c) membayar, menurut suatu perjanjian yang dibuat sebelum tarikh kuat kuasa itu, syer yang tidak diterbitkan sebelum tarikh itu dan yang akan diterbitkan pada atau selepas tarikh itu kepada anggota syarikat Labuan itu sebagai syer bonus berbayar penuh;
- (d) membayar keseluruhan atau sebahagian baki belum bayar ke atas syer yang diterbitkan sebelum tarikh itu kepada anggota syarikat Labuan itu; atau
- (e) membayar dividen yang diisytiharkan sebelum tarikh kuat kuasa itu, jika dividen itu ditunaikan dengan terbitan syer kepada anggota syarikat Labuan itu.

(5) Walau apa pun subseksyen (3), jika syarikat Labuan itu menjalankan perniagaan insurans atau perniagaan takaful di Labuan, ia juga boleh menggunakan amaun yang ada pada kredit akaun premium syernya sebaik sebelum tarikh kuat kuasa itu dengan penguntukan atau pemindahan kepada mana-mana kumpulan wang yang ditubuhkan dan disenggarakan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Walau apa pun subseksyen (2), liabiliti seseorang pemegang syer bagi panggilan berkenaan dengan wang yang tidak dibayar ke atas syer yang diterbitkan sebelum tarikh kuat kuasa (sama ada kerana nilai tara syer itu atau melalui premium) tidaklah terjejas dengan sebab syer itu tidak lagi mempunyai nilai tara.

(7) Sesuatu syarikat Labuan boleh pada bila-bila masa sebelum—

(a) tarikh ia dikehendaki di bawah seksyen 109 untuk menyerahkan penyata tahunan pertamanya selepas tarikh kuat kuasa; atau

(b) habis tempoh enam bulan dari tarikh kuat kuasa,

mengikut mana-mana yang lebih awal atau dalam apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga menyerahkan suatu notis mengenai modal syernya dengan Lembaga dalam bentuk yang ditetapkan.

(8) Melainkan jika sesuatu syarikat Labuan telah menyerahkan suatu notis mengenai modal syernya di bawah subseksyen (7), Lembaga boleh bagi maksud rekod yang disenggarakan oleh Lembaga, menerima pakai, sebagai modal syer syarikat Labuan itu, agregat nilai nominal syer yang diterbitkan oleh syarikat Labuan itu sebagaimana nilai itu ditunjukkan dalam rekod Lembaga sebaik sebelum tarikh kuat kuasa itu.

(9) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “tarikh kuat kuasa” ertinya tarikh mula berkuatkuasanya Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 2009 [*Akta*];

(b) berhubung dengan sesuatu kontrak (termasuk memorandum dan perkara syarikat) yang dibuat, atau surat ikatan amanah atau dokumen lain yang disempurnakan sebelum tarikh kuat kuasa itu—

(i) sebutan mengenai nilai tara atau nilai nominal sesuatu syer hendaklah sebutan mengenai—

(A) jika syer itu diterbitkan sebelum tarikh kuat kuasa itu, nilai tara atau nilai nominal syer itu sebaik sebelum tarikh kuat kuasa itu;

(B) jika syer itu diterbitkan pada atau selepas tarikh kuat kuasa itu tetapi syer daripada kelas yang sama telah diterbitkan sebaik sebelum tarikh kuat kuasa itu, nilai tara atau nilai nominal yang akan ada pada syer itu sekiranya syer itu telah diterbitkan ketika itu; atau

- (C) jika syer itu diterbitkan pada atau selepas tarikh kuat kuasa itu dan syer daripada kelas yang sama tidak diterbitkan sebaik sebelum tarikh kuat kuasa itu, nilai tara atau nilai nominal yang ditentukan oleh pengarah;
- (ii) sebutan mengenai apa-apa premium syer hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai apa-apa baki modal syer berhubung dengan syer itu;
- (iii) sebutan mengenai hak untuk mendapat pulangan modal atas syer hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai hak untuk mendapat pulangan modal yang nilainya adalah bersamaan dengan amaun yang dibayar berkenaan dengan nilai tara atau nilai nominal syer itu; dan
- (iv) sebutan mengenai agregat nilai tara atau nilai nominal modal syer terbitan syarikat Labuan itu hendaklah dikira sebagai sebutan mengenai agregat itu sebagaimana yang ada sebaik sebelum tarikh kuat kuasa itu sebagaimana—
 - (A) ditambah untuk mengambil kira nilai tara atau nilai nominal yang disebut dalam subperenggan (i) bagi apa-apa syer yang diterbitkan pada atau selepas tarikh kuat kuasa itu; dan
 - (B) dikurangkan untuk mengambil kira nilai tara atau nilai nominal yang disebut dalam subperenggan (i) bagi apa-apa syer yang dibatalkan pada atau selepas tarikh kuat kuasa itu.”.

Pindaan seksyen 47

29. Seksyen 47 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Sesuatu syarikat Labuan hendaklah mempunyai kuasa untuk—

- (a) menerbitkan syer yang boleh dibahagikan kepada satu kelas atau lebih, dengan apa-apa nama, keutamaan, had dan hak relatif yang hendaklah dinyatakan atau diperuntukkan

dalam perkara, dan semua harga dan nilai yang diberikan berkenaan dengan syer itu hendaklah dinyatakan dalam mata wang selain ringgit; dan

- (b) tertakluk kepada perkaranya, untuk menerbitkan pecahan syernya, dan syer pecahan sedemikian hendaklah mempunyai liabiliti, had, keutamaan, keistimewaan, syarat, sekatan, hak dan sifat yang bersamaan dengan suatu syer penuh dari kelas atau siri syer yang sama.”.

Seksyen baru 47A

30. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 47 seksyen yang berikut:

“Syer perbendaharaan

47A. (1) Sesuatu syarikat Labuan boleh memegang syernya sendiri yang dibeli atau diperoleh selainnya menurut seksyen 48A sebagai syer perbendaharaan jika—

- (a) perkara syarikat Labuan itu membenarkan sedemikian; dan
- (b) bilangan syer yang dibeli atau diperoleh, apabila diagregatkan dengan syer daripada kelas yang sama yang dipegang oleh syarikat Labuan itu pada masa pembelian atau pemerolehan itu, tidak melebihi lima belas peratus syer daripada kelas itu yang dahulunya diterbitkan oleh syarikat Labuan itu,

(2) Syarikat Labuan itu semasa memegang syernya sendiri sebagai syer perbendaharaan—

- (a) tidak boleh menjalankan apa-apa hak berkenaan dengan syer perbendaharaan itu dan apa-apa yang berupa perjalanan hak itu adalah batal dan syer perbendaharaan itu hendaklah dikira sebagai tidak mempunyai hak pengundian;
- (b) tidak boleh membuat atau menerima apa-apa dividen atau pembahagian aset syarikat Labuan itu, termasuk apa-apa pembahagian aset kepada anggota atas penggulangan, berkenaan dengan syer itu;
- (c) boleh pada bila-bila masa menjual syer perbendaharaan itu untuk mendapatkan wang tunai atau memindahkan syer itu sebagai balasan bagi pembelian atau pemerolehan syer dalam atau aset syarikat yang lain atau aset seseorang;

- (d) boleh pada bila-bila masa membatalkan syer perbendaharaan itu dan pengarah boleh mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk membolehkan syarikat itu membatalkan syernya tanpa mematuhi seksyen 53; dan
- (e) boleh mengagihkan syer perbendaharaan itu sebagai dividen kepada pemegang syer (dividen sedemikian hendaklah dipanggil “dividen syer”), dengan syarat kos syer itu semasa pembelian asal hendaklah digunakan untuk mengurangkan dana yang selainnya tersedia bagi pengagihan sebagai dividen.”.

Pindaan seksyen 48

31. Seksyen 48 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (2) dan (3).

Seksyen baru 48A

32. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 48 seksyen yang berikut:

“Pembelian syernya sendiri oleh syarikat Labuan, dsb.

48A. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), sesuatu syarikat Labuan boleh membeli syernya sendiri—

- (a) jika memorandum atau perkaranya memperuntukkan sedemikian; dan
- (b) melalui ketetapan khas,

dengan syarat bahawa pembeliannya, sama ada secara langsung atau tidak langsung hendaklah dibuat setakat apa-apa lebihan solven yang ada.

(2) Sesuatu pembayaran yang dibuat oleh syarikat Labuan sebagai balasan bagi pembelian syernya sendiri mengikut subseksyen (1) boleh dibuat daripada modal atau keuntungan syarikat Labuan itu asalkan pengarah mengisytiharkan melalui suatu perisytiharan kesolvenan bahawa—

- (a) syarikat Labuan itu berupaya untuk membayar hutangnya sepenuhnya pada masa pembayaran itu dan boleh membayar hutangnya apabila genap masa baginya dalam

perjalanan biasa perniagaan dalam masa dua belas bulan sebaik selepas tarikh pembayaran itu; dan

- (b) nilai aset syarikat Labuan itu tidak kurang daripada nilai liabilitinya (termasuk liabiliti luar jangka) dan tidak akan selepas pembelian yang dicadangkan itu menjadi kurang daripada nilai liabilitinya (termasuk liabiliti luar jangka).

(3) Sesuatu syarikat Labuan tidak boleh membeli mana-mana syernya sendiri melainkan jika—

(a) syer itu berbayar penuh; dan

(b) sekurang-kurangnya seorang pemegang syer, selain syarikat Labuan itu sendiri, akan kekal selepas pembelian itu.

(4) Tertakluk kepada seksyen 47A, sesuatu syarikat Labuan boleh pada bila-bila masa, melalui ketetapan pengarahnya, membatalkan mana-mana atau sebahagian daripada syer syarikat Labuan itu daripada mana-mana kelas yang dibelinya, dan dalam keadaan itu suatu penyata mengenai pembatalan itu hendaklah diserahkan kepada Lembaga dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pembatalan itu.

(5) Jika pengarah membuat ketetapan untuk membatalkan syer yang dibeli sedemikian, modal syer terbitan syarikat itu hendaklah dikurangkan dengan syer yang dibatalkan sedemikian.

(6) Pembelian syer menurut subseksyen (1) dan pembatalan syer yang dibuat menurut subseksyen (4) tidak boleh disifatkan sebagai pengurangan modal syer syarikat Labuan itu.”.

Pemotongan seksyen 49 dan 50

33. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 49 dan 50.

Pindaan seksyen 51

34. Seksyen 51 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “khas” dengan perkataan “biasa”;

(ii) dengan memotong perenggan (a);

- (iii) dalam perenggan (*b*), dengan memotong perkataan “kepada syer yang lebih besar amaunnya daripada syernya yang ada”;
 - (iv) dalam perenggan (*c*), dengan memotong perkataan “kepada syer yang lebih kecil amaunnya daripada yang ditetapkan oleh memorandum atau perkara”; dan
 - (v) dalam perenggan (*d*), dengan memotong perkataan “daripada apa-apa peringkat nilai”; dan
- (*b*) dengan memotong subseksyen (3) dan (4).

Pindaan seksyen 53

35. Seksyen 53 Akta ibu dipinda—

- (*a*) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “yang diserahkan demikian hendaklah berkuat kuasa” dengan perkataan “itu hendaklah berkuat kuasa, dan Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan mengenai penyerahan sedemikian”; dan
- (*b*) dengan memasukkan selepas subseksyen (9) subseksyen yang berikut:

“(9A) Walau apa pun subseksyen (1), sesuatu pengubahan memorandum dengan mengurangkan amaun modal syernya dan syernya menurut suatu ketetapan khas yang diluluskan mengikut subseksyen (1), boleh dibuat tanpa pengesahan Mahkamah, asalkan pengarah mengisytiharkan melalui suatu perisytiharan kesolvenan—

- (*a*) bahawa pada pendapat mereka, mengenai kedudukan syarikat Labuan itu pada tarikh perisytiharan kesolvenan itu, tidak terdapat alasan yang syarikat Labuan itu ketika itu akan didapati tidak dapat membayar hutangnya;

(*b*) bahawa pada pendapat mereka—

- (i) jika terdapat niat untuk memulakan penggulangan syarikat Labuan itu dalam tempoh dua belas bulan sebaik selepas tarikh perisytiharan kesolvenan itu,

bahawa syarikat Labuan itu akan dapat membayar hutangnya dengan sepenuhnya dalam tempoh dua belas bulan itu yang bermula dengan permulaan penggulungan itu; atau

(ii) jika tidak ada niat untuk memulakan penggulungan, bahawa syarikat Labuan itu akan dapat membayar hutangnya apabila genap masanya hutang itu kena dibayar dalam tempoh dua belas bulan sebaik selepas tarikh perisytiharan kesolvenan itu; dan

(c) bahawa mereka berpendapat bahawa nilai aset syarikat Labuan itu tidak kurang daripada nilai liabilitinya (termasuk liabiliti luar jangka) dan tidak akan, selepas pengurangan yang dicadangkan itu, menjadi kurang daripada nilai liabilitinya (termasuk liabiliti luar jangka),

dan tiap-tiap pemiutang syarikat Labuan itu yang berhak kepada apa-apa hutang atau tuntutan yang boleh diterima sebagai bukti terhadap syarikat Labuan itu pada tarikh perisytiharan kesolvenan itu berhak untuk membantah pengurangan itu.

(9B) Pengarah hendaklah menyerahkan suatu salinan terperaku perisytiharan kesolvenan itu dalam masa tiga puluh hari kepada Lembaga, dan atas penyerahan sedemikian Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan untuk mengesahkan penyerahan perisytiharan kesolvenan itu.

(9C) Syarikat Labuan itu hendaklah, selama tempoh enam minggu yang bermula dari tarikh ketetapan, menyediakan perisytiharan kesolvenan itu atau salinannya di pejabat berdaftar syarikat Labuan itu untuk pemeriksaan secara percuma oleh mana-mana pemiutang syarikat itu.

(9D) Seseorang pemiutang syarikat Labuan itu boleh, pada bila-bila masa dalam tempoh enam minggu yang disebut dalam subseksyen (6C), memohon kepada Mahkamah supaya ketetapan itu dibatalkan.

(9E) Subseksyen (9C) dan (9D) hendaklah terpakai bagi seseorang pemiutang syarikat Labuan itu yang, pada tarikh permohonannya kepada Mahkamah, berhak kepada apa-apa hutang atau tuntutan yang, jika tarikh itu ialah tarikh permulaan penggulungan syarikat Labuan itu, akan menjadi boleh diterima sebagai bukti terhadap syarikat Labuan itu.

(9F) Jika sesuatu permohonan dibuat oleh seseorang pemiutang kepada mahkamah di bawah subseksyen (9D)—

- (a) pemiutang itu hendaklah seberapa segera yang mungkin menyampaikan permohonan itu ke atas syarikat Labuan itu; dan
- (b) syarikat Labuan itu hendaklah seberapa segera yang mungkin memberi Lembaga notis mengenai permohonan itu.”.

Pindaan seksyen 55

36. Seksyen 55 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “dibenarkan”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Syer tidak boleh ditebus melainkan jika syer itu telah dibayar penuh.”;

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Syer boleh ditebus daripada keuntungan atau, tertakluk kepada subseksyen (3B), daripada modal syarikat Labuan itu.

(3B) Syer tidaklah boleh ditebus daripada modal syarikat Labuan melainkan jika pengarah mengisytiharkan melalui perisytiharan kesolvenan—

- (a) bahawa pada pendapat mereka, mengenai kedudukan syarikat Labuan itu pada tarikh perisytiharan itu, tidak terdapat alasan yang syarikat Labuan itu ketika itu akan didapati tidak dapat membayar hutangnya;

(b) bahawa pada pendapat mereka—

(i) jika terdapat niat untuk memulakan penggulangan syarikat Labuan itu dalam tempoh dua belas bulan sebaik selepas tarikh perisytiharan kesolvenan itu, bahawa syarikat Labuan itu akan dapat membayar hutangnya dengan sepenuhnya dalam tempoh dua belas bulan itu yang bermula dengan permulaan penggulangan itu; atau

(ii) jika tidak ada niat untuk memulakan penggulangan, bahawa syarikat Labuan itu akan dapat membayar hutangnya apabila genap masanya hutang itu kena dibayar dalam tempoh dua belas bulan sebaik selepas tarikh perisytiharan kesolvenan itu; dan

(c) bahawa mereka berpendapat bahawa nilai aset syarikat Labuan itu tidak kurang daripada nilai liabilitinya (termasuk liabiliti luar jangka) dan tidak akan, selepas penebusan yang dicadangkan itu, menjadi kurang daripada nilai liabilitinya (termasuk liabiliti luar jangka).

(3c) Pengarah hendaklah menyerahkan suatu salinan terperaku perisytiharan kesolvenan itu dalam masa tiga puluh hari kepada Lembaga, dan atas penyerahan itu Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan untuk mengesahkan penyerahan perisytiharan kesolvenan itu.”; dan

(d) dengan memotong subseksyen (4), (5), (6), (7) dan (8).

Pemotongan seksyen 56 dan 57

37. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 56 dan 57.

Pindaan seksyen 58

38. Seksyen 58 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (a);

- (ii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan koma bernoktah; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
 - “(c) suatu penyata akaun mengenai status debentur itu; dan
 - (d) suatu daftar semua debentur yang dibatalkan atau ditebus.”;
- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “lima dolar” dengan perkataan “dua puluh ringgit atau yang setara dengannya dalam apa-apa mata wang”;
- (c) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “lima dolar” dengan perkataan “dua puluh ringgit atau yang setara dengannya dalam apa-apa mata wang”;
- (d) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “Satu” dengan perkataan “Sepuluh”; dan
- (e) dengan memotong subseksyen (7).

Pemotongan seksyen 61, 62, 63, 64 dan 65

39. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 61, 62, 63, 64 dan 65.

Pindaan seksyen 66

- 40.** Seksyen 66 Akta ibu dipinda dalam takrif “kepentingan”—
- (a) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:
 - “(da) apa-apa kepentingan dalam perkongsian terhad atau perkongsian liabiliti terhad;”;
 - (b) dalam perenggan (f), dengan memasukkan selepas perkataan “sesuatu perjanjian perkongsian” perkataan “selain dalam perenggan (da)”.

Pindaan seksyen 67

41. Seksyen 67 Akta ibu dipinda, dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “his”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “its”.

Pindaan seksyen 68**42.** Seksyen 68 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika suatu surat ikatan membuat peruntukan bagi pelantikan pemegang amanah bagi, atau seorang wakil bagi, pemegang kepentingan yang diterbitkan atau dicadangkan diterbitkan oleh sesuatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing, Lembaga boleh, tertakluk kepada seksyen ini, memberikan kelulusannya kepada surat ikatan itu.”; dan

(b) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “his” dengan perkataan “its”.

Pindaan seksyen 81

43. Subseksyen 81(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Satu” dengan perkataan “Sepuluh”.

Pindaan seksyen 83

44. Subseksyen 83(5) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Dua” dengan perkataan “Sepuluh”.

Pindaan seksyen 84

45. Subseksyen 84(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Dua” dengan perkataan “Sepuluh”.

Pindaan seksyen 85

46. Subseksyen 85(5) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Satu” dengan perkataan “Sepuluh”.

Pindaan seksyen 86

47. Seksyen 86 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Satu” dengan perkataan “Sepuluh”; dan
- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Satu” dengan perkataan “Sepuluh”.

Pindaan seksyen 87

48. Seksyen 87 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Tiada seorang pun, selain—

- (a) pegawai sesuatu syarikat amanah Labuan yang diluluskan oleh Lembaga di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009;
- (b) suatu syarikat domestik atau sesuatu syarikat Labuan yang dimiliki sepenuhnya oleh sesuatu syarikat amanah Labuan; atau
- (c) pegawai sesuatu syarikat domestik yang diberikan lesen atau didaftarkan di bawah Akta Insurans 1963 [*Akta 89*], Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*], Akta Takaful 1984 [*Akta 312*] atau Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] yang memegang syer dalam sesuatu syarikat Labuan,

yang disediakan bagi pelantikan oleh syarikat amanah Labuan itu atau syarikat domestik itu di bawah subseksyen ini hendaklah bertindak sebagai pengarah pemastautin sesuatu syarikat Labuan.”; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Seseorang pengarah pemastautin sesuatu syarikat Labuan boleh bersara atau meletakkan jawatan tertakluk kepada terma perjanjian antara syarikat amanah Labuan

yang menyediakannya untuk pelantikan atau syarikat Labuan atau syarikat domestik itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan syarikat Labuan yang baginya dia dilantik sebagai pengarah pemastautin.

(5A) Pengarah pemastautin yang disebut dalam subseksyen (5) boleh digantikan oleh seorang pegawai lain syarikat amanah Labuan atau syarikat Labuan atau syarikat domestik yang dimiliki sepenuhnya oleh syarikat amanah Labuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disediakan untuk pelantikan oleh syarikat amanah Labuan itu.”.

Pindaan seksyen 88

49. Seksyen 88 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “atau suatu prospektus” dan perkataan “atau pengeluaran prospektus itu”.

Pindaan seksyen 90

50. Subseksyen 90(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) suatu pertuduhan bagi kesalahan yang berkaitan dengan pembentukan atau pengurusan sesuatu perbadanan telah dibuktikan terhadapnya;”;

(b) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) suatu pertuduhan bagi apa-apa perbuatan yang melibatkan fraud atau kecurangan telah dibuktikan terhadapnya; atau”; dan

(c) dengan memotong perkataan “atau penaja”.

Pindaan seksyen 91

51. Seksyen 91 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “syarikat Labuan yang dinyatakan” dengan perkataan “perbadanan yang dinyatakan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (9) subseksyen yang berikut:

“(10) Bagi maksud seksyen ini, kepentingan seseorang pengarah hendaklah dikira sebagai termasuk kepentingan seorang anggota keluarga pengarah itu dan perkataan “anggota keluarga pengarah” termasuklah isteri atau suaminya, anak lelakinya, anak angkat lelakinya, anak tiri lelakinya, anak perempuannya, anak angkat perempuannya dan anak tiri perempuannya.”.

Pindaan seksyen 92

52. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 92 dengan seksyen yang berikut:

“Kewajipan dan liabiliti pegawai

92. (1) Tiap-tiap pegawai sesuatu syarikat Labuan hendaklah pada setiap masa bertindak secara jujur dan menggunakan usaha munasabah dalam menunaikan kewajipan jawatannya.

(2) Seseorang pengarah sesuatu syarikat Labuan hendaklah pada setiap masa menjalankan kuasanya bagi maksud yang sepatutnya dan dengan suci hati demi kepentingan syarikat Labuan itu.

(3) Seseorang pengarah sesuatu syarikat Labuan hendaklah dengan semunasabahnya berhati-hati, menggunakan kemahiran dan usaha yang munasabah dengan—

(a) pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang semunasabahnya boleh diharapkan daripada seorang pengarah yang mempunyai tanggungjawab yang sama; dan

(b) apa-apa pengetahuan, kemahiran dan pengalaman tambahan yang dipunyai oleh pengarah itu pada hakikatnya.

(4) Seseorang pengarah yang membuat pertimbangan perniagaan disifatkan memenuhi kehendak kewajipannya di bawah subseksyen (3) dan kewajipan yang setara di bawah *common law* dan dalam ekuiti jika pengarah itu—

(a) membuat pertimbangan perniagaan itu dengan suci hati bagi maksud yang sepatutnya;

- (b) tidak mempunyai kepentingan persendirian yang material dalam hal perkara pertimbangan perniagaan itu;
- (c) berpengetahuan mengenai hal perkara pertimbangan perniagaan itu setakat yang pengarah itu semunasabahnya percaya sebagai sesuai di bawah hal keadaan itu; dan
- (d) semunasabahnya mempercayai bahawa pertimbangan perniagaan itu adalah demi kepentingan syarikat Labuan itu,

dan bagi maksud subseksyen ini, “pertimbangan perniagaan” ertinya apa-apa keputusan tentang sama ada hendak mengambil tindakan atau tidak berkenaan dengan sesuatu perkara yang berkaitan dengan perniagaan syarikat itu.

(5) Seseorang pengarah boleh bergantung pada maklumat, nasihat profesional atau pakar, pendapat, laporan atau pernyataan termasuk penyata kewangan dan data kewangan yang lain, yang disediakan, dikemukakan atau dibuat oleh—

- (a) mana-mana pegawai syarikat Labuan itu yang pengarah itu mempercayai atas alasan yang munasabah sebagai boleh diharap dan berwibawa berhubung dengan perkara yang berkenaan;
- (b) mana-mana orang lain yang diambil berkhidmat oleh syarikat Labuan itu mengenai perkara yang melibatkan kemahiran atau kepakaran berhubung dengan perkara yang dipercayai oleh pengarah itu atas alasan yang munasabah sebagai berada dalam kewibawaan profesional atau kepakaran orang itu;
- (c) pengarah lain berhubung dengan perkara dalam kuasa pengarah itu; atau
- (d) mana-mana jawatankuasa lembaga pengarah yang pengarah itu tidak menjadi anggotanya berhubung dengan perkara yang berada dalam kuasa jawatankuasa itu.

(6) Penggantungan pengarah itu yang dibuat di bawah subseksyen (5) disifatkan dibuat atas alasan yang munasabah jika dibuat—

- (a) dengan suci hati; dan

- (b) selepas membuat penilaian bebas mengenai maklumat atau nasihat, pendapat, laporan atau pernyataan, termasuk penyata kewangan dan data kewangan yang lain, dengan mengambil kira pengetahuan pengarah itu mengenai syarikat Labuan itu dan kompleksnya struktur dan operasi syarikat Labuan itu.

(7) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Akta ini, memorandum atau perkara persatuan syarikat Labuan itu atau mana-mana ketetapan lembaga pengarah atau pemegang syer syarikat Labuan itu, pengarah boleh mewakilkan mana-mana kuasa lembaga pengarah kepada mana-mana pengarah, jawatankuasa kepada lembaga pengarah, pegawai, pekerja, pakar atau mana-mana orang lain.

(8) Jika pengarah telah mewakilkan mana-mana kuasa sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (7), pengarah bertanggungjawab bagi penjalanan kuasa itu oleh orang yang diwakilkan kuasa itu seolah-olah kuasa itu telah dijalankan oleh pengarah sendiri.

(9) Pengarah tidak menjadi bertanggungjawab di bawah subseksyen (8) jika—

- (a) pengarah mempercayai atas alasan yang munasabah pada setiap masa bahawa orang yang diwakilkan kuasa itu akan menjalankan kuasa itu selaras dengan kewajipan yang dikenakan ke atas pengarah di bawah Akta ini dan memorandum dan perkara persatuan syarikat itu (jika ada); dan
- (b) pengarah mempercayai atas alasan yang munasabah, dengan suci hati dan selepas membuat siasatan yang sepatutnya jika hal keadaan menunjukkan perlu diadakan siasatan, bahawa orang yang diwakilkan kuasa itu boleh diharap dan berwibawa berhubung dengan kuasa yang diwakilkan itu.

(10) Seseorang pegawai sesuatu syarikat Labuan tidak boleh menggunakan secara tidak sepatutnya apa-apa maklumat yang diperoleh berdasarkan jawatannya untuk mendapatkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, suatu faedah bagi dirinya atau mana-mana orang lain atau untuk menyebabkan mudarat kepada syarikat itu.

(11) Seseorang pegawai sesuatu syarikat Labuan yang melanggar seksyen ini—

- (a) bertanggung kepada syarikat itu untuk apa-apa keuntungan yang dibuat olehnya dan bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh syarikat itu akibat pelanggaran sedemikian; dan
- (b) melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(12) Seseorang pengarah sesuatu syarikat Labuan yang membuat perisytiharan kesolvenan, menurut peruntukan Akta ini, tanpa mempunyai alasan yang munasabah bagi pendapat yang dinyatakan dalamnya adalah bertanggung secara jenayah bagi apa-apa wang atau keuntungan yang diterima.

(13) Seksyen ini ialah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau rukun undang-undang yang berhubungan dengan kewajipan atau liabiliti pengarah atau pegawai sesuatu syarikat Labuan.”.

Pindaan seksyen 93

53. Seksyen 93 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Tiada seorang pun, selain pegawai sesuatu syarikat amanah Labuan yang diluluskan oleh Lembaga di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996, atau sesuatu syarikat Labuan, atau sesuatu syarikat domestik yang dimiliki sepenuhnya oleh syarikat amanah Labuan itu, boleh disediakan untuk pelantikan oleh syarikat amanah Labuan itu boleh bertindak atau dilantik sebagai setiausaha pemastautin.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Seseorang setiausaha pemastautin sesuatu syarikat Labuan boleh meletakkan jawatan tertakluk kepada terma perjanjian antara syarikat amanah Labuan yang menyediakan orang itu untuk pelantikan itu dengan syarikat Labuan yang berkenaan dan syarikat

Labuan itu hendaklah melantik seorang setiausaha pemastautin gantian tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh kuat kuasa peletakan jawatan itu.

(2B) Syarikat amanah Labuan itu hendaklah menyerahkan kepada Lembaga suatu notis mengenai peletakan jawatan itu menurut subseksyen (2A).

(2C) Jika syarikat Labuan itu tidak melantik seorang setiausaha pemastautin gantian dalam masa tiga puluh hari dari tarikh kuat kuasa peletakan jawatan itu menurut subseksyen (2A), peruntukan seksyen 151 hendaklah terpakai.”.

Pindaan seksyen 94

54. Seksyen 94 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “dahulunya, alamat” perkataan “perniagaan atau”;
- (b) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “dahulunya, alamat” perkataan “perniagaan atau”;
- (c) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “Satu” dengan perkataan “Sepuluh”; dan
- (d) dengan menggantikan subseksyen (7) dengan subseksyen yang berikut:

“(7) Dalam seksyen ini, “pengenalan” ertinya—

- (a) dalam hal orang yang kepadanya dikeluarkan kad pengenalan, nombor kad pengenalan itu;
- (b) dalam hal orang yang kepadanya tidak dikeluarkan kad pengenalan, butir-butir pasportnya;
- (c) dalam hal sesuatu perbadanan, nombor pemerbadanan atau pendaftaran; atau
- (d) apa-apa keterangan yang seumpamanya mengenai pengenalan yang ada.”.

Pindaan seksyen 94A

55. Seksyen 94A Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “syarikat domestik” perkataan “atau Labuan”; dan
- (b) dengan memotong perkataan “atau telah membantu dalam pengurusan sedemikian,”.

Seksyen baru 94B

56. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 94A seksyen yang berikut:

“Pemecatan pengarah

94B. (1) Walau apa pun apa-apa dalam dokumen konstituen sesuatu syarikat Labuan atau dalam mana-mana perjanjian antara sesuatu syarikat Labuan dengan seseorang pengarah, seorang pengarah sesuatu syarikat Labuan boleh dipecat daripada jawatan melalui ketetapan pemegang syernya, mengikut memorandum atau perkaranya yang diluluskan pada mesyuarat yang dipanggil bagi maksud yang termasuk pemecatan pengarah itu.

(2) Notis mesyuarat itu hendaklah menyatakan bahawa maksud mesyuarat itu ialah pemecatan pengarah itu.

(3) Jika dibenarkan oleh memorandum atau perkara sesuatu syarikat Labuan, seorang pengarah syarikat Labuan boleh dipecat daripada jawatan oleh pengarah-pengarah syarikat Labuan itu.”.

Pindaan seksyen 95

57. Seksyen 95 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Tertakluk kepada apa-apa had dalam memorandum dan perkaranya, sesuatu syarikat Labuan boleh mengadakan semua mesyuarat anggotanya di Malaysia, atau di tempat lain, di lebih daripada satu tempat dengan menggunakan apa-apa teknologi yang membolehkan semua anggota peluang yang munasabah untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat itu.”.

Pindaan seksyen 101A

58. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 101 seksyen yang berikut:

“Ketetapan yang ditandatangani oleh semua anggota disifatkan telah diluluskan dengan sewajarnya pada mesyuarat

101A. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang diperuntukkan sebaliknya dalam Akta ini atau perkara syarikat Labuan, suatu ketetapan bertulis yang ditandatangani oleh atau bagi pihak semua orang yang pada masa itu berhak untuk menerima notis mengenai, dan untuk hadir dan mengundi di, mesyuarat agung sesuatu syarikat Labuan, hendaklah bagi maksud Akta ini, dikira sebagai suatu ketetapan yang diluluskan dengan sewajarnya di suatu mesyuarat agung syarikat Labuan itu dan, jika berkenaan, sebagai suatu ketetapan khas yang diluluskan demikian.

(2) Apa-apa ketetapan sedemikian hendaklah disifatkan telah diluluskan pada suatu mesyuarat yang diadakan di pejabat berdaftar pada tarikh yang ketetapan itu ditandatangani oleh anggota yang terakhir.

(3) Seksyen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghendaki orang yang menandatangani ketetapan di bawah seksyen ini hendaklah menandatangani dokumen yang sama yang mengandungi ketetapan itu; tetapi jika dua dokumen atau lebih digunakan bagi maksud mendapatkan tandatangan di bawah seksyen ini berkenaan dengan apa-apa ketetapan, setiap dokumen sedemikian hendaklah diperakukan terlebih dahulu oleh syarikat amanah Labuan itu sebagai mengandungi versi yang benar dan betul mengenai ketetapan yang dicadangkan itu.”.

Pemotongan seksyen 103

59. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 103.

Pindaan seksyen 105

60. Subseksyen 105(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Dua” dengan perkataan “Sepuluh”.

Pindaan seksyen 109**61. Seksyen 109 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “dibuat setakat suatu tarikh yang” dengan perkataan “ditarikhkan”;
- (b) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Sesuatu syarikat Labuan yang tidak mempunyai modal syer hendaklah menyerahkan kepada Lembaga suatu penyata dalam bentuk yang ditetapkan yang mengandungi butir-butir yang disebut dalam subseksyen (5) dan dibuat mengikut subseksyen (3).”;

- (c) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Penyata sesuatu syarikat Labuan yang tidak mempunyai modal syer hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) alamat pejabat berdaftar syarikat Labuan itu;
- (b) jika daftar anggota disimpan di tempat lain daripada pejabat berdaftar syarikat Labuan itu, alamat tempat di mana daftar itu disimpan;
- (c) butir-butir mengenai jumlah amaun keberhutangan syarikat Labuan itu berkenaan dengan semua caj, sama ada dikehendaki didaftarkan dengan Lembaga atau tidak;
- (d) semua butir-butir berkenaan dengan orang yang pada hari penyata itu dibuat adalah pengarah, pengurus atau setiausaha syarikat Labuan itu sebagaimana yang dikehendaki supaya terkandung dalam daftar pengarah, pengurus dan setiausaha;
- (e) nama dan alamat juruaudit syarikat Labuan itu; dan
- (f) apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan akaun syarikat Labuan itu.”; dan

- (d) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “Dua” dengan perkataan “Sepuluh”.

Pindaan seksyen 110

- 62.** Subseksyen 110(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “enam puluh” dengan perkataan “sembilan puluh”.

Pindaan seksyen 111

- 63.** Seksyen 111 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Sesuatu syarikat Labuan hendaklah menyerahkan kepada Lembaga suatu perakuan tahunan daripada seorang pengarah dalam masa tiga puluh hari dari tarikh akaun dibentangkan di hadapan syarikat itu pada suatu mesyuarat anggota yang menyatakan bahawa dia telah menimbangkan akaun teraudit dan akaun tidak teraudit yang disebut dalam subseksyen (1) dan memperakukan, dengan atau tanpa syarat—

- (a) bahawa akaun itu menunjukkan bahawa syarikat itu solven pada tarikh akaun itu dibuat;
- (b) bahawa dia tidak tahu tentang apa-apa hal keadaan yang boleh menjadikan akaun itu tidak benar; dan
- (c) bahawa tiada hal keadaan telah berlaku semenjak tarikh yang padanya akaun itu dibuat yang boleh menjadikan syarikat itu tidak solven, dan jika perakuan itu tidak boleh diberikan tanpa syarat, aspek yang menjadikannya bersyarat hendaklah dihuraikan.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Tertakluk kepada seksyen 113A, sesuatu syarikat Labuan hendaklah menyerahkan kepada Lembaga suatu perakuan daripada juruaudit yang diluluskan dalam

masa tiga puluh hari selepas akaun itu dibentangkan di hadapan syarikat itu pada suatu mesyuarat anggota yang menyatakan bahawa—

- (a) akaun sebenar syarikat itu bagi tempoh kewangan yang berakhir pada tarikh yang dinyatakan telah disimpan dan suatu kunci kira-kira dan akaun untung rugi bagi tempoh itu telah disediakan dan diaudit oleh juruaudit itu; dan
- (b) pengarah yang memberikan perakuan di bawah subseksyen (1A) telah diberikan suatu salinan akaun itu.

(2B) Juruaudit yang diluluskan hendaklah memegang selama tujuh tahun suatu salinan akaun yang berkenaan dengan perakuannya.

(2C) Walau apa pun tempoh masa yang dikenakan dalam subseksyen (1) dan (2), Lembaga boleh, atas permohonan syarikat Labuan itu, jika bagi apa-apa sebab khas yang difikirkannya patut dibuat sedemikian, melanjutkan tempoh masa walaupun tempoh yang dilanjutkan sedemikian melangkaui tahun kalendar itu.”.

Pindaan seksyen 113

64. Seksyen 113 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Sesuatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing tidak boleh dikehendaki untuk melantik seseorang atau beberapa orang untuk menjadi juruaudit atau juruaudit-juruaudit syarikat itu melainkan jika—

- (a) ia dikehendaki untuk berbuat demikian di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain di Labuan yang berkenaan dengan perkhidmatan kewangan;
- (b) perkaranya memperuntukkan sedemikian; atau
- (c) ia membuat suatu tawaran untuk memohon beli atau membeli, atau mengeluarkan suatu pelawaan untuk memohon beli atau membeli, sekuriti menurut subseksyen 8(1) Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 dan tawaran atau pelawaan itu tidak dikecualikan di bawah subseksyen 8(5) Akta itu, atau di bawah subseksyen 13(1)

Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009 dan tawaran atau pelawaan itu tidak dikecualikan di bawah subseksyen 13(5) Akta itu.

(1A) Walau apa pun subseksyen (1), Lembaga boleh, jika ia berpuas hati bahawa terdapat pelanggaran seksyen 110 atau 111 atau selainnya bahawa adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, melalui notis bertulis kepada sesuatu syarikat yang dikecualikan di bawah salah satu seksyen itu, menghendaki syarikat itu untuk menyerahkan dengannya, dalam apa-apa tempoh masa yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) akaunnya yang telah diaudit dengan sewajarnya oleh juruaudit atau juruaudit-juruaudit syarikat itu atau, jika tiada juruaudit dilantik, juruaudit atau juruaudit-juruaudit yang dilantik oleh pengarah-pengarah syarikat itu bagi maksud ini; dan
- (b) laporan juruaudit yang disebut dalam seksyen 117 berhubung dengan akaun yang disediakan oleh juruaudit atau juruaudit-juruaudit syarikat itu.”.

Pemotongan seksyen 113A

65. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 113A.

Pindaan seksyen 114

66. Seksyen 114 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (4).

Pindaan seksyen 117

67. Seksyen 117 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Jika seseorang juruaudit dalam melaksanakan kewajipannya sebagai juruaudit sesuatu syarikat Labuan berpendapat bahawa suatu kesalahan serius yang melibatkan fraud atau kecurangan sedang atau telah dilakukan terhadap syarikat Labuan itu atau terhadap Akta ini oleh pegawai syarikat Labuan itu, dia hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu secara bertulis kepada Lembaga.

(4) Tiada kewajipan yang boleh dipertanggungkan ke atas juruaudit boleh dikira sebagai telah dilanggari hanya kerana dia melaporkan perkara yang disebut dalam seksyen ini secara suci hati kepada Lembaga.”.

Pindaan seksyen 118**68.** Seksyen 118 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memotong perkataan “atau” yang terdapat di hujung perenggan (c);
- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
 - “(ca) suatu penyatuan atau percantuman satu syarikat Labuan atau lebih dengan satu perbadanan atau lebih; atau”; dan
- (iii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “(c)” dengan perkataan “(ca)”;

(b) dalam subseksyen (4)—

- (i) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (e) dengan titik bertindih; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (e) proviso yang berikut:

“Dengan syarat bahawa Mahkamah berpuas hati bahawa kehendak undang-undang bidang kuasa yang dalamnya perbadanan itu diperbadankan, didaftarkan atau ditubuhkan untuk membolehkannya meneruskan perkiraan itu telah dipatuhi.”; dan

(c) dalam subseksyen (9)—

- (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “his hand and” dengan perkataan “its”; dan
- (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong perkataan “tandatangan dan”.

Seksyen baru 118A, 118B, 118C dan 118D

69. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 118 seksyen yang berikut:

“Percantuman

118A. (1) Walau apa pun seksyen 118, dua syarikat Labuan atau lebih (setiap satu disebut “syarikat Labuan yang bercantum”) boleh bercantum dan terus kekal sebagai suatu syarikat Labuan yang baru:

Dengan syarat bahawa sesuatu syarikat Labuan yang bercantum tidak boleh menjadi suatu entiti berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam 2009.

(2) Sesuatu cadangan percantuman hendaklah mengandungi terma sesuatu percantuman di bawah subseksyen (1), dan secara tertentu—

- (a) nama syarikat Labuan yang bercantum itu;
- (b) pejabat berdaftar syarikat Labuan yang bercantum itu;
- (c) nama penuh dan alamat kediaman tiap-tiap pengarah syarikat yang bercantum itu;
- (d) struktur syer syarikat Labuan yang bercantum itu, dengan menyatakan—
 - (i) bilangan syer syarikat Labuan yang bercantum itu;
 - (ii) hak, keistimewaan, had dan syarat yang terikat dengan setiap syer syarikat Labuan yang bercantum itu; dan
 - (iii) sama ada syer itu boleh dipindahmilikkan atau tidak dan, jika boleh dipindahmilikkan, sama ada pemindahmilikannya adalah tertakluk kepada apa-apa syarat atau had;
- (e) suatu salinan memorandum dan perkara syarikat Labuan yang bercantum itu;
- (f) cara yang mengikutnya syer setiap syarikat yang bercantum itu akan ditukar menjadi syer syarikat Labuan yang bercantum itu;

- (g) jika syer syarikat yang bercantum tidak akan ditukar menjadi syer syarikat yang bercantum, balasan yang akan diterima oleh pemegang syer itu sebagai ganti syer syarikat yang bercantum itu;
 - (h) apa-apa bayaran yang hendak dibuat kepada mana-mana anggota atau pengarah sesuatu syarikat Labuan yang bercantum, selain bayaran daripada jenis yang diperihalkan dalam perenggan (g); dan
 - (i) butir-butir mengenai apa-apa perkiraan yang perlu untuk menyempurnakan percantuman itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan dan operasi kemudian syarikat Labuan yang bercantum itu;
- (3) Sesuatu cadangan percantuman boleh menyatakan tarikh yang padanya percantuman itu dicadangkan akan berkuat kuasa.
- (4) Jika syer daripada satu syarikat Labuan yang bercantum itu dipegang oleh atau bagi pihak satu lagi syarikat Labuan yang bercantum, cadangan percantuman itu—
- (a) hendaklah memperuntukkan bagi pembatalan syer itu tanpa bayaran atau mengadakan peruntukan bagi balasan lain apabila percantuman itu berkuat kuasa; dan
 - (b) tidak boleh memperuntukkan bagi pertukaran syer itu menjadi syer syarikat Labuan yang bercantum itu.
- (5) Pembatalan syer di bawah seksyen ini tidak boleh disifatkan sebagai pengurangan modal syer dalam pengertian Akta ini.
- (6) Suatu cadangan percantuman hendaklah diluluskan oleh anggota setiap syarikat Labuan yang bercantum melalui ketetapan khas mengikut cara yang diperuntukkan dalam perkara setiap syarikat Labuan yang bercantum.
- (7) Lembaga pengarah setiap syarikat Labuan yang bercantum hendaklah, sebelum ketetapan khas yang disebut dalam subseksyen (6) diluluskan—
- (a) membuat ketetapan bahawa percantuman itu adalah demi kepentingan syarikat Labuan yang bercantum itu;

(b) membuat perisytiharan kesolvenan berhubung dengan syarikat Labuan yang bercantum itu bahawa—

(i) syarikat Labuan yang bercantum itu akan dapat membayar hutangnya apabila genap masanya dalam tempoh dua belas bulan sebaik selepas tarikh percantuman itu berkuat kuasa; dan

(ii) pada tarikh perisytiharan itu, nilai aset syarikat Labuan yang bercantum itu tidak kurang daripada nilai liabilitinya (termasuk liabiliti luar jangka).

(8) Lembaga pengarah setiap syarikat Labuan yang bercantum hendaklah menghantar kepada tiap-tiap anggota syarikat Labuan yang bercantum itu, tidak kurang daripada dua puluh satu hari sebelum tarikh yang disebut dalam subseksyen (3)—

(a) suatu salinan cadangan percantuman itu (yang hendaklah termasuk memorandum dan perkara persatuan yang dicadangkan bagi syarikat Labuan yang bercantum itu);

(b) suatu salinan perisytiharan kesolvenan yang diberikan oleh pengarah-pengarah di bawah perenggan (7)(b);

(c) suatu pernyataan mengenai apa-apa kepentingan material pengarah-pengarah, sama ada atas sifat itu atau selainnya; dan

(d) apa-apa maklumat dan penjelasan lanjut yang perlu untuk membolehkan seorang anggota yang munasabah dari syarikat Labuan yang bercantum itu memahami sifat dan implikasi percantuman yang dicadangkan itu bagi syarikat Labuan yang bercantum itu dan anggotanya.

(9) Pengarah-pengarah setiap syarikat Labuan yang bercantum hendaklah tidak kurang daripada dua puluh satu hari sebelum tarikh yang disebut dalam subseksyen (3)—

(a) menghantar suatu salinan cadangan percantuman itu kepada tiap-tiap pemiutang bercagar syarikat Labuan yang bercantum itu; dan

- (b) menyebabkan supaya disiarkan suatu notis mengenai cadangan percantuman itu dalam sekurang-kurangnya satu akhbar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dan satu akhbar kewangan antarabangsa termasuk pernyataan bahawa—
- (i) salinan cadangan percantuman itu tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana anggota atau pemiutang syarikat Labuan yang bercantum itu di pejabat berdaftar syarikat Labuan yang bercantum itu dan di mana-mana tempat lain yang dinyatakan dalam notis itu dalam waktu perniagaan biasa; dan
 - (ii) seorang anggota atau pemiutang suatu syarikat Labuan yang bercantum berhak untuk diberi secara percuma suatu salinan cadangan percantuman itu apabila diminta daripada syarikat Labuan yang bercantum itu.

(10) Selepas cadangan untuk percantuman itu telah diluluskan mengikut subseksyen (6), memorandum dan perkara persatuan syarikat Labuan yang bercantum itu hendaklah disempurnakan oleh setiap syarikat Labuan yang bercantum yang hendaklah mengandungi—

- (a) cadangan bagi percantuman itu;
- (b) suatu salinan perisytiharan yang diberikan oleh pengarah-pengarah di bawah perenggan (7)(b); dan
- (c) suatu salinan ketetapan khas setiap syarikat Labuan yang bercantum yang meluluskan cadangan bagi percantuman di bawah subseksyen (6).

(11) Percantuman dua syarikat Labuan di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan suatu entiti yang baru di sisi undang-undang yang hendaklah—

- (a) selaras dengan perkaranya yang diwujudkan oleh percantuman itu, mempunyai segala hak, keisimewaan, kekebalan, kuasa dan maksud yang dipersetujui oleh syarikat-syarikat Labuan yang bercantum itu;

- (b) tanpa apa-apa perbuatan atau surat ikatan lanjut, diletakhakkan dengan semua harta, harta tanah dan harta diri, termasuk mohon beli syer, kausa tindakan dan tiap-tiap aset lain yang dipunyai setiap syarikat Labuan yang bercantum itu; dan
- (c) mengambil dan bertanggung bagi semua liabiliti, obligasi dan penalti setiap syarikat Labuan yang bercantum, dan tiada liabiliti atau obligasi yang genap masa atau akan genap masa, tuntutan atau permintaan bagi apa-apa kausa yang wujud terhadap mana-mana syarikat itu atau mana-mana pemegang syer, pegawai atau pengarahnya, boleh dilepaskan atau terjejas oleh percantuman itu, dan tiap-tiap tindakan atau prosiding, sama ada sivil atau jenayah, yang ketika itu belum selesai oleh atau terhadap setiap syarikat Labuan yang bercantum itu tidak boleh dihapuskan atau diberhentikan tetapi boleh dikuatkuasakan, didakwa atau diselesaikan seolah-olah percantuman itu tidak berlaku atau boleh diteruskan atas nama entiti baru di sisi undang-undang yang dibentuk menurut kuasa percantuman itu.

(12) Memorandum dan perkara persatuan syarikat Labuan yang bercantum itu hendaklah, beserta dengan fi yang ditetapkan, diserahkan kepada Lembaga, yang hendaklah menyimpan dan mendaftarkannya dalam daftar, dan percantuman itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pendaftaran memorandum dan perkara itu.

(13) Atas pendaftaran memorandum dan perkara persatuan syarikat Labuan yang bercantum itu, Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan di bawah meterainya yang memperakukan percantuman itu dan bahawa syarikat Labuan yang dicantumkan itu, dari tarikh yang dinyatakan dalam perakuan itu, diperbadankan sebagai suatu syarikat Labuan.

Percantuman syarikat Labuan, syarikat Labuan asing atau suatu perbadanan dan penerusan sebagai syarikat Labuan

118B. (1) Sesuatu syarikat Labuan, syarikat Labuan asing atau perbadanan boleh bercantum dan berterusan sebagai syarikat Labuan yang didaftarkan di Labuan yang baginya

peruntukan Akta ini dan mana-mana undang-undang lain yang terpakai bagi syarikat Labuan hendaklah terpakai:

Dengan syarat bahawa syarikat Labuan, syarikat Labuan asing atau perbadanan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh menjadi suatu entiti berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009.

(2) Sesuatu syarikat asing Labuan atau perbadanan hendaklah mendapatkan semua kebenaran yang perlu, jika ada, yang dikehendaki di bawah undang-undang bidang kuasa yang dalamnya ia diperbadankan atau pada masa ini didaftarkan untuk membolehkannya bercantum dan berterusan kekal sebagai syarikat Labuan yang berdaftar di Labuan, dan hendaklah memfailkan dengan Lembaga bukti dokumentar mengenai kebenaran itu.

(3) Peruntukan seksyen 118A hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi percantuman di bawah seksyen ini mengikut cara yang sama sebagaimana yang terpakai bagi percantuman di bawah seksyen 118A.

Percantuman bentuk pendek

118c. (1) Tertakluk kepada subseksyen 118B(2), suatu syarikat Labuan (yang disebut “syarikat pemegang yang bercantum”) dan satu subsidiari milik sepenuhnya atau lebih (yang disebut “syarikat subsidiari yang bercantum”) boleh bercantum dan berterusan sebagai satu syarikat Labuan, yang berupa syarikat pemegang yang bercantum, tanpa mematuhi subseksyen 118A(2) hingga (13) jika anggota setiap syarikat yang bercantum itu, melalui ketetapan khas, membuat ketetapan untuk meluluskan percantuman syarikat yang bercantum itu atas terma bahawa—

- (a) syer setiap syarikat subsidiari yang bercantum akan dibatalkan tanpa apa-apa bayaran atau apa-apa balasan lain;
- (b) memorandum syarikat Labuan yang bercantum itu akan sama dengan memorandum syarikat pemegang yang bercantum;

- (c) pengarah-pengarah syarikat pemegang yang bercantum dan tiap-tiap syarikat subsidiari yang bercantum berpuas hati bahawa syarikat Labuan yang bercantum itu akan dapat membayar hutangnya apabila genap masanya dalam tempoh dua belas bulan sebaik selepas tarikh percantuman itu berkuat kuasa; dan
- (d) orang atau beberapa orang yang dinamakan dalam ketetapan itu akan menjadi pengarah atau pengarah-pengarah syarikat Labuan yang bercantum itu:

Dengan syarat bahawa syarikat pemegang yang bercantum itu dan syarikat subsidiari yang bercantum itu tidak boleh menjadi suatu entiti berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009.

(2) Dua syarikat subsidiari atau lebih yang dimiliki sepenuhnya oleh perbadanan yang sama boleh bercantum dan berterusan sebagai satu syarikat Labuan tanpa mematuhi subseksyen 118A(2) hingga (13) jika anggota setiap syarikat yang bercantum itu, melalui ketetapan khas, membuat ketetapan untuk meluluskan percantuman syarikat yang bercantum itu atas terma bahawa—

- (a) syer kesemua kecuali satu syarikat yang bercantum itu akan dibatalkan tanpa bayaran atau balasan lain;
- (b) memorandum syarikat Labuan yang bercantum itu akan sama dengan memorandum syarikat yang bercantum yang syernya tidak dibatalkan;
- (c) pengarah-pengarah tiap-tiap syarikat yang bercantum berpuas hati bahawa syarikat Labuan yang bercantum itu akan dapat membayar hutangnya apabila genap masanya dalam tempoh dua belas bulan sebaik selepas tarikh percantuman itu berkuat kuasa; dan
- (d) orang atau beberapa orang yang dinamakan dalam ketetapan itu akan menjadi pengarah atau pengarah-pengarah syarikat Labuan yang bercantum itu:

Dengan syarat bahawa tiada syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya boleh menjadi suatu entiti berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 atau Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009.

(3) Pengarah-pengarah setiap syarikat yang bercantum itu hendaklah, tidak kurang daripada dua puluh satu hari sebelum tarikh yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, memberikan notis bertulis mengenai percantuman yang dicadangkan itu kepada tiap-tiap pemiutang bercagar syarikat yang bercantum itu.

(4) Ketetapan yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai suatu cadangan percantuman yang telah diluluskan.

(5) Lembaga pengarah setiap syarikat yang bercantum hendaklah, sebelum tarikh yang disebut dalam subseksyen (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, membuat suatu perisytiharan kesolvenan berhubung dengan syarikat Labuan yang dicantumkan itu mengikut perenggan 118A(7)(b).

(6) Pembatalan syer di bawah seksyen ini tidak boleh disifatkan sebagai suatu pengurangan modal syer mengikut pengertian Akta ini.

Kesan percantuman

118d. (1) Suatu perakuan percantuman yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah subseksyen 118A(13) hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa aset syarikat Labuan yang dicantumkan terletak hak pada syarikat Labuan yang bercantum pada tarikh pendaftaran.

(2) Lembaga hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas tarikh kuat kuasa sesuatu percantuman, memotong nama lama setiap syarikat Labuan yang bercantum dari daftar.

(3) Suatu perakuan percantuman dan pemerbadanan yang dikeluarkan oleh Lembaga hendaklah menjadi bukti pematuhan semua kehendak Akta ini berkenaan dengan percantuman dan pemerbadanan itu.

(4) Syarikat Labuan yang bercantum hendaklah menyerahkan, dalam tempoh tiga puluh hari dari pengeluaran perakuan dalam subseksyen 118A(13), suatu salinan sah perakuan itu dan suatu salinan sah cadangan percantuman itu dengan

pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang berkaitan dengan pendaftaran atau perekodan urusan mengenai apa-apa harta alih atau mengenai kepentingan dalam harta alih yang dipindahmilikkan menurut percantuman itu.

(5) Jika cadangan percantuman itu menghendaki perletakhakan mana-mana tanah beri hakmilik, atau bahagian atau kepentingan mengenai mana-mana tanah beri hakmilik dalam syarikat Labuan yang bercantum yang dicadangkan itu—

- (a) Lembaga hendaklah, jika tanah beri hakmilik itu terletak di Semenanjung Malaysia, menurut subseksyen 420(2) Kanun Tanah Negara, menyebabkan supaya suatu salinan sah mengenai cadangan percantuman itu disampaikan kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebaik selepas pengeluaran perakuan itu supaya Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, menguatkuasakan subseksyen 420(2), (3) dan (4) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*];
- (b) jika tanah diberi hakmilik sedemikian terletak di Sabah, syarikat Labuan yang bercantum itu hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas perakuan itu dikeluarkan, menghantar suatu salinan sah perakuan itu kepada Pendaftar bagi pendaftaran perletakhakan tanah beri hakmilik itu atau bahagian atau kepentingan mengenai tanah beri hakmilik itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Ordinan Tanah Sabah [*Sabah Bab 68*]; atau
- (c) jika tanah beri hakmilik itu terletak di Sarawak, syarikat Labuan yang bercantum itu hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas perintah itu dibuat, mengemukakan suatu salinan sah perakuan itu kepada Pendaftar bagi pendaftaran perletakhakan tanah beri hakmilik itu atau bahagian atau kepentingan mengenai tanah beri hakmilik, pada syarikat Labuan yang bercantum, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 171 Kanun Tanah Sarawak [*Sarawak Bab 81*].

(6) Sesuatu cadangan percantuman yang diluluskan menurut seksyen ini boleh berkaitan dengan mana-mana harta atau perniagaan mana-mana syarikat Labuan yang bercantum di luar Malaysia dan, jika ia berkaitan sedemikian, kesan hendaklah

diberikan kepadanya sama ada mengikut apa-apa perkiraan bersaling yang berhubungan dengan penguatkuasaan penghakiman yang mungkin ada antara Malaysia dengan negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia itu di mana harta atau perniagaan itu terletak, atau jika tidak ada perkiraan sedemikian, mengikut undang-undang yang terpakai di negara, wilayah atau tempat itu.”.

Pindaan seksyen 119

70. Seksyen 119 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “pengambilalihan dan penyatuan” dengan perkataan “pengambilalihan, penyatuan dan percantuman”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “pengambilalihan dan penyatuan” dengan perkataan “pengambilalihan, penyatuan dan percantuman”.

Pindaan seksyen 120

71. Perenggan 120(2)(c) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “yang disiarkan dalam *Warta*” dengan perkataan “secara bertulis”.

Pindaan seksyen 121

72. Subseksyen 121(2) Akta ibu dipinda, dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “he” dengan perkataan “it”.

Pindaan seksyen 122

73. Seksyen 122 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “yang disiarkan dalam *Warta*”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “secara bertulis”.

Pindaan seksyen 123

74. Subseksyen 123(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Satu” dengan perkataan “Sepuluh”.

Pindaan seksyen 124

75. Seksyen 124 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Apabila diserahkan kepada Lembaga butir-butir mengenai apa-apa pertukaran atau perubahan nama sesuatu syarikat Labuan asing yang disebut dalam perenggan (1)(d), Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu perakuan dalam bentuk yang ditetapkan di bawah meterainya, dan perakuan itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* dalam semua mahkamah tentang pertukaran atau perubahan nama syarikat itu.”.

Pindaan seksyen 127

76. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 127 dengan seksyen yang berikut:

“Pelikuidasian atau pembubaran syarikat di tempat pemerbadanan, penubuhan atau tempat asal

127. (1) Jika sesuatu syarikat Labuan asing dilikuidasikan atau dibubarkan di tempat pemerbadanan, penubuhan atau di tempat asalnya, syarikat Labuan asing itu hendaklah, dalam masa satu bulan selepas bermulanya pelikuidasian atau pembubaran itu atau dalam apa-apa masa lanjut yang dibenarkan dalam hal keadaan tertentu oleh Lembaga, menyerahkan atau menyebabkan supaya diserahkan dengan Lembaga—

(a) suatu notis tentang pelikuidasian atau pembubaran itu; dan

(b) apabila pelikuidasi dilantik bagi syarikat Labuan asing itu di tempat pemerbadanan, penubuhan atau di tempat asalnya (“pelikuidasi asing”), suatu notis tentang pelantikan itu.

(2) Apabila notis dalam perenggan (1)(a) diterima, Lembaga hendaklah dengan serta-merta melantik pelikuidasi yang diluluskan dan sehinggalah pelikuidasi yang diluluskan itu dilantik bagi syarikat Labuan asing itu, pelikuidasi asing itu hendaklah mempunyai kuasa dan fungsi seorang pelikuidasi yang diluluskan.

(3) Jika syarikat Labuan asing itu tidak menyerahkan notis di bawah perenggan (1)(a), Lembaga boleh, pada bila-bila masa selepas habisnya tempoh satu bulan selepas berkuat kuasanya pelikuidasian atau pembubaran syarikat Labuan asing itu, melantik pelikuidasi yang diluluskan bagi syarikat Labuan asing itu.

(4) Apabila pelikuidasi yang diluluskan dilantik di bawah subseksyen (2) atau (3), Mahkamah hendaklah disifatkan telah memerintahkan supaya syarikat Labuan asing itu digulung.

(5) Pelikuidasi yang diluluskan hendaklah mengumpulkan kesemua aset syarikat Labuan asing itu yang berada atau boleh didapatkan di Labuan dan hendaklah, apabila berbuat demikian, mempunyai semua kuasa pelikuidasi yang diluluskan bagi suatu syarikat Labuan.

(6) Sebelum membayar atau memindahmilikkan kepada pelikuidasi asing apa-apa aset yang dikumpulkan di Labuan, pelikuidasi yang diluluskan itu hendaklah—

- (a) membayar kepada Lembaga kesemua penalti, kos, fi dan caj yang kena dibayar and terhutang;
- (b) membayar amaun kesemua cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [Akta 445]; dan
- (c) membayar kepada mana-mana pemastautin yang kepadanya, pada masa pelantikan pelikuidasi yang diluluskan di Labuan, apa-apa hutang yang ditanggung dengan suci hati oleh syarikat Labuan asing itu berkenaan dengan pembekalan perkhidmatan kepada atau bagi syarikat Labuan asing itu kena dibayar, amaun hutang itu,

dan penalti, kos, fi, caj, cukai dan hutang itu hendaklah menjadi suatu caj ke atas aset syarikat Labuan asing itu yang berperingkat selepas kos pelikuidasi yang diluluskan yang dilantik oleh Lembaga tetapi yang menjadi keutamaan berbanding semua caj dan tuntutan lain walau apa pun jua.

(7) Syarikat Labuan asing itu hendaklah disifatkan terus wujud di Labuan sehinggalah penggulungan hal-ehwalnya di Labuan diselesaikan.

(8) Peruntukan Bahagian XI Akta ini yang berhubungan dengan pemotongan daripada daftar nama syarikat yang tidak berfungsi lagi hendaklah terpakai secara *mutatis mutandis* bagi sesuatu syarikat Labuan asing.”.

Pemotongan Bahagian VIII A

77. Akta ibu dipinda dengan memotong Bahagian VIII A yang mengandungi seksyen 130A hingga 130M.

Bahagian baru VIII B

78. Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum Bahagian IX Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VIII B

SYARIKAT SEL TERLINDUNG LABUAN

Tafsiran

130N. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aset sel” ertinya aset sesuatu syarikat sel terlindung Labuan yang berkaitan dengan sel syarikat sel terlindung;

“dividen sel” ertinya dividen yang dibayar oleh sesuatu syarikat sel terlindung Labuan berkenaan dengan syer sel;

“modal sel” ertinya hasil terbitan syer sel;

“sel” ertinya sel yang diwujudkan oleh suatu syarikat sel terlindung Labuan bagi maksud mengasingkan dan melindungi aset sel mengikut cara yang diperuntukkan di bawah Bahagian ini;

“syarikat sel terlindung Labuan” ertinya sesuatu syarikat Labuan yang diperbadankan sebagai, atau ditukar menjadi, syarikat sel terlindung mengikut peruntukan Bahagian ini;

“syer sel” ertinya syer yang diwujudkan dan diterbitkan oleh suatu sel dalam syarikat sel terlindung Labuan.

Syarikat sel terlindung Labuan

130o. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini—

- (a) suatu syarikat Labuan boleh diperbadankan sebagai suatu syarikat sel terlindung Labuan; dan
- (b) suatu syarikat Labuan sedia ada boleh, jika dibenarkan oleh perkara dan oleh ketetapan khas, ditukar menjadi suatu syarikat sel terlindung Labuan.

(2) Suatu syarikat sel terlindung Labuan boleh menubuhkan satu sel atau lebih bagi maksud mengasingkan dan melindungi aset sel mengikut cara yang diperuntukkan oleh Bahagian ini.

(3) Bagi maksud Akta ini, walaupun suatu syarikat sel terlindung Labuan boleh mewujudkan satu sel atau lebih menurut peruntukan Bahagian ini, syarikat sel terlindung Labuan itu hendaklah menjadi orang tunggal di sisi undang-undang, dan pewujudan sel oleh syarikat sel terlindung Labuan itu tidak mewujudkan, berkenaan dengan sel itu, orang di sisi undang-undang yang berasingan daripada syarikat sel terlindung Labuan itu.

(4) Tiada syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing boleh diperbadankan sebagai, atau ditukar menjadi, atau beroperasi sebagai suatu syarikat sel terlindung Labuan melainkan jika ia dibentuk, dan akan beroperasi semata-mata bagi maksud—

- (a) menjalankan perniagaan insurans Labuan atau perniagaan insurans kaptif Labuan atas apa-apa terma yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 dan perniagaan takaful am Labuan atau perniagaan takaful kaptif atas terma yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009; atau
- (b) menjalankan perniagaan kumpulan wang bersama di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 dan perniagaan kumpulan wang bersama Islam di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009.

Kelulusan Lembaga

130p. (1) Sesuatu syarikat Labuan tidak boleh diperbadankan sebagai, atau beroperasi sebagai, atau ditukar menjadi, suatu syarikat sel terlindung Labuan, kecuali mengikut terma dan syarat kelulusan bertulis Lembaga, yang boleh menetapkan kelas atau perihalan syarikat yang boleh menjadi syarikat sel terlindung Labuan.

(2) Lembaga boleh pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut—

- (a) mengubah atau membatalkan apa-apa terma atau syarat yang tertakluk kepadanya kelulusan di bawah subseksyen (1) diberikan; dan
- (b) mengenakan apa-apa terma atau syarat baru kepada mana-mana kelulusan sedemikian.

(3) Suatu permohonan untuk kelulusan Lembaga sebagaimana yang dikehendaki dalam subseksyen (1) hendaklah—

- (a) dibuat dalam apa-apa bentuk dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat, yang ditentukan mengikut apa-apa cara, yang dikehendaki oleh Lembaga; dan
- (b) disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(4) Lembaga boleh menghendaki seseorang pemohon di bawah subseksyen (3) untuk memberinya apa-apa dokumentasi dan maklumat lain yang difikirkannya perlu untuk menentukan permohonan itu.

Pemerbadanan, atau pertukaran menjadi, syarikat sel terlindung Labuan

130q. (1) Pemerbadanan atau pertukaran suatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing sebagai suatu syarikat sel terlindung Labuan hendaklah dibuat dengan memfailkan memorandum dan perkara syarikat itu atau memorandum atau perkara yang dipinda di bawah Bahagian ini, disertakan dengan—

- (a) salinan terperaku mengenai kelulusan Lembaga yang diberikan di bawah seksyen 130p;

- (b) semua dokumen dan maklumat yang dikehendaki bagi pendaftaran atau pertukaran memorandum dan perkara sesuatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing sebagai suatu syarikat sel terlindung Labuan yang dikehendaki di bawah Akta ini; dan
- (c) fi yang ditetapkan.

Nama dan memorandum atau perkara syarikat sel terlindung Labuan

130r. (1) Nama syarikat sel terlindung Labuan hendaklah, tanpa menjejaskan peruntukan seksyen 21 Akta ini, termasuk ungkapan “Syarikat Sel Terlindung” atau “SST”.

(2) Setiap sel suatu syarikat sel terlindung Labuan hendaklah mempunyai nama atau gelarannya sendiri yang berbeza.

(3) Memorandum atau perkara sesuatu syarikat sel terlindung Labuan hendaklah menyatakan bahawa ia suatu syarikat sel terlindung Labuan.

(4) Suatu syarikat sel terlindung Labuan boleh, untuk mematuhi subseksyen (3), mengubah memorandum atau perkara melalui ketetapan khas, dan peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan pengubahan memorandum atau perkara hendaklah terpakai.

(5) Melainkan jika dan sehingga suatu syarikat sel terlindung Labuan mematuhi peruntukan seksyen ini, ia tidak boleh disifatkan sebagai suatu syarikat sel terlindung Labuan bagi maksud Bahagian ini.

Aset sel dan am

130s. (1) Aset sesuatu syarikat sel terlindung Labuan hendaklah sama ada—

- (a) aset sel yang terdiri daripada aset syarikat sel terlindung Labuan yang dipegang dalam atau bagi pihak sel terlindung syarikat itu; atau
- (b) aset am yang terdiri daripada aset syarikat sel terlindung Labuan yang bukan aset sel.

- (2) Aset sel terlindung terdiri daripada—
- (a) aset yang merupakan balasan yang dibayar atau kena dibayar bagi terbitan syer sel terlindung dan rizab yang boleh dikaitkan dengan sel terlindung; dan
 - (b) semua aset lain yang boleh dikaitkan dengan atau dipegang dalam sel terlindung.
- (3) Suatu syarikat sel terlindung Labuan hendaklah—
- (a) menyenggarakan rekod yang berasingan bagi aset sel dan menyimpan aset sel yang dipegang bagi setiap sel berasingan daripada aset sel yang dipegang bagi apa-apa sel lain dan daripada aset am; dan
 - (b) mengatur perlindungan yang sepatutnya bagi aset sel, baik antara sel mahupun berkenaan dengan aset am, dengan cara pengasingan dan pengenalpastian yang jelas.
- (4) Kewajipan yang dikenakan oleh subseksyen (3) tidaklah dilanggar semata-mata kerana pengarah-pengarah sesuatu syarikat sel terlindung Labuan—
- (a) termasuk pengarah yang dilantik untuk menguruskan hal ehwal sel atau sel-sel tertentu;
 - (b) telah melantik suatu jawatankuasa untuk melaksanakan kewajibannya berhubung dengan sel atau sel-sel tertentu;
 - (c) telah menyebabkan atau membenarkan aset sel atau aset am, atau kombinasi kedua-duanya, secara kolektif dilaburkan atau secara kolektif diuruskan oleh pengurus pelaburan; atau
 - (d) telah menyebabkan atau membenarkan aset sel dan aset am dipegang oleh atau melalui penama atau pemegang amanah:

Dengan syarat bahawa aset yang berkenaan masih boleh dikenal pasti secara berasingan mengikut subseksyen (3).

- (5) Sekiranya terdapat pelanggaran subseksyen (3)—
- (a) setiap pengarah dan pegawai yang melakukan pelanggaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

hendaklah bertanggung secara sendiri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan akibat daripada pelanggaran itu; dan

- (b) setiap pengarah dan pegawai sedemikian hendaklah secara berasingan mempunyai hak tanggung rugi terhadap aset am syarikat sel terlindung Labuan itu, melainkan jika dia bertindak secara fraud, melulu atau dengan niat jahat.

Syer sel dan modal syer sel

130r. (1) Sesuatu syarikat sel terlindung Labuan boleh, berkenaan dengan mana-mana selnya, mewujudkan dan menerbitkan syer sel dan modal sel yang hendaklah terkandung dalam aset sel yang boleh dikaitkan dengan sel yang berkenaan dengannya syer itu diterbitkan.

(2) Hasil penerbitan syer itu selain syer sel yang diwujudkan dan diterbitkan oleh sesuatu syarikat sel terlindung Labuan hendaklah terkandung dalam aset am syarikat sel terlindung Labuan.

(3) Dividen sel boleh dibayar oleh sesuatu syarikat sel terlindung Labuan berkenaan dengan syer sel dengan merujuk hanya kepada aset sel dan liabiliti yang boleh dikaitkan dengan sel itu yang berkenaan dengannya syer sel itu telah diterbitkan.

(4) Dalam menentukan dividen sel, tidaklah perlu diambil kira—

- (a) keuntungan dan kerugian, atau aset dan liabiliti, yang boleh dikaitkan dengan mana-mana sel lain syarikat sel terlindung Labuan itu; atau
- (b) keuntungan dan kerugian yang bukan dari sel, atau aset dan liabiliti, syarikat sel terlindung Labuan itu.

(5) Sesuatu syarikat sel terlindung Labuan hendaklah menyediakan perakuan hakmilik mengenai syer sel, berkenaan dengan mana-mana syer sel baru yang diterbitkan olehnya, dipindahkan kepadanya atau didaftarkan olehnya atau yang

hendak digantikan olehnya akibat daripada kehilangannya, kecurian atau kerosakannya, dan setiap perakuan itu mesti menyatakan—

- (a) sel yang dengannya syer sel itu berkaitan;
- (b) bilangan syer sel, yang hakmiliknya dibuktikan oleh perakuan itu;
- (c) jika syarikat sel terlindung Labuan mempunyai lebih daripada satu kelas syer sel, kelas syer sel itu, yang hakmiliknya dibuktikan dengan perakuan itu; dan
- (d) nama pemegangnya.

Daftar pemegang syer

130u. (1) Tertakluk kepada seksyen 105 tiap-tiap syarikat sel terlindung Labuan hendaklah menyimpan indeks nama pemegang-pemegang syernya, yang hendaklah—

- (a) mengandungi, berhubung dengan setiap pemegang syer, petunjuk yang mencukupi untuk membolehkan akaun pemegang syer itu mudah didapati;
- (b) menyatakan sel atau sel-sel tertentu yang dengannya akaun atau akaun-akaun pemegang syer itu berkaitan;
- (c) mudah dicari dengan merujuk kepada akaun pemegang syer atau dengan merujuk kepada sel;
- (d) disimpan pada setiap masa di tempat yang sama dengan daftar pemegang syer; dan
- (e) diubah apabila apa-apa perubahan dibuat kepada daftar pemegang syer.

(2) Peruntukan seksyen 106 berkenaan dengan pemeriksaan daftar pemegang syer hendaklah terpakai bagi Bahagian ini.

Pengurangan modal sel

130v. (1) Peruntukan seksyen 48A berkenaan dengan pengurangan modal syer syarikat Labuan hendaklah terpakai *mutatis mutandis*

berkenaan dengan pengurangan modal syer aset am suatu syarikat aset terlindung Labuan dan modal sel bagi aset sel yang berkenaan dalam syarikat sel terlindung Labuan itu.

(2) Suatu syarikat sel terlindung Labuan tidak boleh mengurangkan modal syer aset amnya sehingga kurang daripada modal sel mana-mana aset sel syarikat sel terlindung Labuan itu.

Hak pemiutang

130w. (1) Hak pemiutang syarikat sel terlindung Labuan hendaklah bersamaan dengan liabiliti yang diperuntukkan dalam Bahagian ini dan tiada pemiutang suatu syarikat sel terlindung Labuan itu boleh mempunyai apa-apa hak selain hak yang disebut dalam Bahagian ini.

(2) Terma yang berikut adalah tersirat dalam tiap-tiap transaksi yang dibuat oleh suatu syarikat sel terlindung Labuan:

- (a) bahawa tiada pihak boleh, sama ada dalam apa-apa prosiding atau dengan apa-apa cara lain, menggunakan mana-mana aset sel yang boleh dikaitkan dengan mana-mana sel syarikat sel terlindung Labuan untuk menjelaskan liabiliti yang tidak boleh dikaitkan dengan sel itu;
- (b) bahawa jika mana-mana pihak berjaya melalui apa-apa cara dalam menggunakan apa-apa aset sel yang boleh dikaitkan dengan mana-mana sel syarikat sel terlindung Labuan untuk menjelaskan liabiliti yang tidak boleh dikaitkan dengan sel itu, pihak itu adalah bertanggungjawab untuk membayar kepada syarikat sel terlindung Labuan itu sejumlah wang yang bersamaan dengan nilai faedah yang diperolehnya; dan
- (c) bahawa jika mana-mana pihak berjaya menyita atau menahan atau selainnya melevi pelaksanaan terhadap mana-mana aset sel yang boleh dikaitkan dengan mana-mana sel syarikat sel terlindung Labuan untuk menjelaskan liabiliti yang tidak boleh dikaitkan dengan sel itu, pihak itu hendaklah memegang aset itu atau hasilnya atas sifat fidusiari bagi syarikat sel terlindung

Labuan itu dan hendaklah menyimpan aset atau hasil itu secara berasingan dan boleh dikenal pasti bagi maksud itu.

(3) Semua wang yang didapatkan oleh sesuatu syarikat sel terlindung Labuan akibat daripada apa-apa obligasi sedemikian yang diperihalkan dalam perenggan (2)(c) hendaklah dikreditkan terhadap apa-apa liabiliti bersama yang dikenakan di bawah terma tersirat yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b).

(4) Apa-apa aset atau wang yang didapatkan oleh sesuatu syarikat sel terlindung Labuan menurut terma tersirat yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b) atau (c) atau dengan apa-apa cara lain dalam keadaan yang disebut dalam perenggan itu hendaklah, selepas ditolak atau dibayar apa-apa kos bagi pemendapatan itu, digunakan oleh syarikat sel terlindung Labuan itu untuk mempampasi sel yang terjejas itu.

(5) Sekiranya apa-apa aset sel yang boleh dikaitkan dengan sel sesuatu syarikat sel terlindung Labuan disita, ditahan, dilevi atau selainnya diambil dalam pelaksanaan berkenaan dengan liabiliti yang tidak boleh dikaitkan dengan sel itu, dan setakat yang aset atau pampasan yang berkenaan dengannya tidak boleh selainnya dikembalikan kepada sel yang terjejas, syarikat sel terlindung Labuan hendaklah—

- (a) menyebabkan atau mendapatkan juruauditnya, yang bertindak sebagai pakar dan bukan sebagai penimbang tara, untuk memperakukan nilai aset yang telah hilang daripada sel yang terjejas; dan
- (b) memindahkan atau membayar kepada sel yang terjejas, daripada aset sel atau aset am yang dengannya liabiliti itu boleh dikaitkan, aset atau wang yang mencukupi untuk memulangkan nilai aset yang telah hilang itu kepada sel yang terjejas.

(6) Jika suatu syarikat sel terlindung Labuan berobligasi untuk membuat pemindahan atau pembayaran daripada aset sel yang boleh dikaitkan dengan sel syarikat sel terlindung Labuan itu di bawah perenggan (2)(b), dan aset itu tidak mencukupi, syarikat sel terlindung itu hendaklah setakat yang boleh menampung kekurangan itu daripada aset amnya.

Liabiliti

130x. (1) Jika sesuatu liabiliti berbangkit yang boleh dikaitkan dengan sel tertentu sesuatu syarikat sel terlindung Labuan—

- (a) aset sel yang boleh dikaitkan dengan sel itu hendaklah digunakan untuk menjelaskan liabiliti itu; dan
- (b) pemiutang yang berkenaan dengan sel itu tidak berhak untuk membuat tuntutan terhadap aset sel mana-mana sel lain atau aset am syarikat sel terlindung Labuan itu.

(2) Jika sesuatu liabiliti berbangkit yang tidak boleh dikaitkan dengan sel tertentu sesuatu syarikat sel terlindung Labuan—

- (a) liabiliti itu hendaklah dijelaskan hanya daripada aset am syarikat sel terlindung Labuan itu; dan
- (b) pemiutang yang berkenaan dengan liabiliti itu tidak berhak untuk membuat tuntutan terhadap aset sel mana-mana sel syarikat sel terlindung Labuan itu.

(3) Tanpa menjejaskan peruntukan yang terdahulu—

- (a) aset sel yang boleh dikaitkan dengan sel tertentu sesuatu syarikat sel terlindung Labuan—
 - (i) tersedia hanya untuk pemiutang syarikat sel terlindung Labuan yang merupakan pemiutang berkenaan dengan sel itu dan yang dengan itu berhak untuk membuat tuntutan terhadap aset sel yang boleh dikaitkan dengan sel itu; dan
 - (ii) hendaklah terlindung secara mutlak daripada pemegang syer syarikat sel terlindung Labuan dan daripada pemiutang syarikat sel terlindung Labuan yang bukan pemiutang yang berkenaan dengan sel itu dan yang sewajarnya tidak berhak untuk membuat tuntutan terhadap aset sel yang boleh dikaitkan dengan sel itu; dan
- (b) aset sel yang tidak boleh dikaitkan dengan sel tertentu sesuatu syarikat sel terlindung Labuan tidak boleh digunakan untuk menjelaskan apa-apa liabiliti yang boleh dikaitkan dengan sel itu.

- (4) Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian tentang—
- (a) sama ada apa-apa hak adalah atau tidak berkenaan dengan sesuatu sel tertentu;
 - (b) sama ada seseorang pemiutang ialah atau bukan pemiutang berkenaan dengan sesuatu sel tertentu;
 - (c) sama ada sesuatu liabiliti boleh atau tidak boleh dikaitkan dengan sesuatu sel tertentu; atau
 - (d) amaun yang dengannya apa-apa liabiliti dihadkan,

Mahkamah, atas permohonan syarikat sel terlindung Labuan atau pemiutang yang bertikai dengan syarikat sel terlindung Labuan itu, dan tanpa menjejaskan apa-apa hak atau remedi lain yang ada pada mana-mana orang, boleh mengeluarkan suatu perisytiharan berkenaan dengan perkara dalam pertikaian itu.

Penzahiran

- 130y.** (1) Sesuatu syarikat sel terlindung Labuan hendaklah—
- (a) memaklumkan mana-mana orang yang dengannya dia menjalankan transaksi bahawa ia adalah suatu syarikat sel terlindung Labuan;
 - (b) bagi maksud transaksi itu, mengenal pasti atau menyatakan sel yang berkenaan dengannya orang itu menjalankan transaksi, melainkan jika transaksi itu bukan transaksi berkenaan dengan sesuatu sel tertentu; dan
 - (c) jika transaksi itu adalah berkenaan dengan sesuatu sel tertentu, memaklumkan orang itu bahawa aset sel bagi sel itu, dan hanya aset itu, boleh digunakan untuk membayar obligasi dan liabiliti sel itu.
- (2) Jika, melanggar dengan subseksyen (1), sesuatu syarikat sel terlindung Labuan—
- (a) tidak memaklumkan seseorang bahawa dia menjalankan transaksi dengan suatu syarikat sel terlindung Labuan dan orang itu selainnya tidak menyedari bahawa, dan tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa, dia menjalankan transaksi dengan suatu syarikat sel terlindung Labuan;

- (b) tidak mengenal pasti atau menyatakan sel yang berkenaan dengannya seseorang itu menjalankan transaksi, dan orang itu selainnya tidak menyedari, dan tiada asas munasabah untuk mengetahui, sel yang mana yang dengannya dia menjalankan transaksi; atau
- (c) tidak memaklumkan orang itu bahawa aset sel bagi sel itu, dan hanya aset itu, boleh digunakan untuk membayar obligasi dan liabiliti sel itu,

maka, dalam mana-mana hal sedemikian, pengarah-pengarah hendaklah menanggung sendiri liabiliti kepada orang itu berkenaan dengan transaksi itu dan, setiap pengarah hendaklah secara berasingan mempunyai hak tanggung rugi terhadap aset am syarikat sel terlindung Labuan itu, melainkan jika dia bertindak secara fraud, melulu, cuai bertindak atau dengan niat jahat.

(3) Walau apa pun subseksyen yang terdahulu, Mahkamah boleh melepaskan seorang pengarah atau pegawai, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada semua atau sebahagian liabiliti dirinya di bawah subseksyen itu jika dia memuaskan Mahkamah bahawa dia patut secara adilnya dilepaskan sedemikian kerana—

- (a) dia tidak menyedari hal keadaan yang menimbulkan liabilitinya dan, dalam keadaan tidak menyedari itu, dia tidak bertindak secara fraud, melulu atau cuai atau bertindak dengan niat jahat; atau
- (b) dia dengan nyata telah membantah, dan menjalankan apa-apa hak yang ada padanya sebagai pengarah atau pegawai, sama ada melalui kuasa mengundi atau selainnya, untuk cuba menghalang hal keadaan yang menimbulkan liabilitinya itu.

(4) Jika Mahkamah melepaskan seseorang pengarah atau pegawai daripada semua atau sebahagian liabiliti dirinya di bawah subseksyen (3), Mahkamah boleh memerintahkan supaya liabiliti yang berkenaan hendaklah sebaliknya dibayar daripada apa-apa—

- (a) aset sel yang relevan yang berkenaan dengannya orang itu berurusan atau menjalankan transaksi; atau

(b) aset am syarikat sel terlindung Labuan itu,

sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(5) Mana-mana peruntukan dalam perkara sesuatu syarikat sel terlindung Labuan atau mana-mana peruntukan kontrak lain yang di bawahnya syarikat sel terlindung Labuan itu boleh bertanggung, yang berupa untuk—

- (a) mengelak penanggungan liabiliti diri ke atas pengarah atau pegawai dalam hal keadaan yang diperihalkan dalam seksyen ini; atau
- (b) menanggung rugi pengarah atau pegawai berkenaan dengan tingkah laku yang mungkin selainnya akan meniadakan hak mereka untuk ditanggung rugi terhadap aset yang bukan aset sel menurut kuasa seksyen ini,

adalah tidak sah.

Urus niaga dan transaksi antara aset sel

130z. Sesuatu syarikat sel terlindung Labuan boleh—

- (a) memindahkan aset sel yang boleh dikaitkan dengan sesuatu sel syarikat sel terlindung Labuan dengan sel yang lain syarikat sel terlindung Labuan itu; atau
- (b) mencantumkan atau menyatukan suatu sel syarikat sel terlindung Labuan dengan, atau menjadi, satu sel atau lebih yang lain syarikat sel terlindung Labuan itu:

Dengan syarat bahawa Lembaga telah memberikan persetujuan bertulisnya apabila ia berpuas hati bahawa—

- (i) pemiutang syarikat sel terlindung Labuan itu yang berhak untuk membuat tuntutan terhadap aset sel yang boleh dikaitkan dengan sel itu telah bersetuju dengan pemindahan, percantuman atau penyatuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau selainnya tidak akan dimudartkan secara tidak adil; dan
- (ii) pemegang syer syarikat sel terlindung Labuan dan setiap sel yang relevan bersetuju dengan pemindahan, percantuman atau penyatuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau selainnya tidak akan dimudartkan secara tidak adil.

Pemindahan aset sel

130ZA. (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, sesuatu syarikat sel terlindung Labuan boleh memindahkan aset sel yang boleh dikaitkan dengan mana-mana sel syarikat sel terlindung Labuan itu, tetapi tidak aset am Labuan syarikat sel terlindung itu, kepada orang lain, sama ada bermastautin atau diperbadankan, dan sama ada atau tidak suatu syarikat sel terlindung Labuan.

(2) Tiada pemindahan dalam subseksyen (1) boleh dibuat kecuali jika dibuat di bawah kuasa ketetapan khas pemegang syer yang dibuat atas syor ketetapan pengarah-pengarah:

Dengan syarat bahawa pengarah-pengarah tidak boleh membuat syor berhubung dengan sesuatu sel dalam suatu syarikat sel terlindung Labuan melainkan jika mereka berpuas hati bahawa—

- (a) pemiutang syarikat sel terlindung Labuan yang berhak untuk membuat tuntutan terhadap aset sel yang boleh dikaitkan dengan sel itu telah bersetuju dengan pemindahan itu; atau
- (b) pemiutang itu tidak akan dimudaratkan secara tidak adil dengan pemindahan itu; dan
- (c) Lembaga telah memberikan persetujuannya terlebih dahulu bagi pemindahan itu.

(3) Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut terhadap persetujuan yang diberikan di bawah perenggan (2)(c), termasuk syarat tentang penunaian tuntutan pemiutang yang berhak untuk membuat tuntutan terhadap aset sel yang boleh dikaitkan dengan sel yang berhubungan dengannya persetujuan itu dikehendaki.

(4) Lembaga boleh bersetuju dengan pemindahan aset sel walaupun—

- (a) seorang pelikuidasi yang diluluskan telah dilantik untuk bertindak berkenaan dengan syarikat sel terlindung Labuan itu atau syarikat sel terlindung Labuan itu telah meluluskan ketetapan bagi penggulangan sukarela;
- (b) perintah penerimaan telah dibuat berkenaan dengan sel itu, syarikat sel terlindung Labuan itu atau mana-mana sel lain syarikat sel terlindung Labuan itu; atau

- (c) perintah pentadbiran telah dibuat berkenaan dengan sel itu, syarikat sel terlindung Labuan itu atau mana-mana sel lainnya.

(5) Peruntukan seksyen ini adalah tanpa menjejaskan kuasa suatu syarikat sel terlindung Labuan untuk membuat pembayaran atau pemindahan daripada aset sel yang boleh dikaitkan dengan mana-mana sel syarikat sel terlindung Labuan kepada seseorang yang berhak, selaras dengan peruntukan Bahagian ini, untuk membuat tuntutan terhadap aset sel itu.

(6) Seksyen ini tidak terpakai bagi pemindahan aset sel yang boleh dikaitkan dengan mana-mana sel sesuatu syarikat sel terlindung Labuan dalam perjalanan biasa perniagaan syarikat sel terlindung Labuan itu, melalui pembayaran, pelaburan atau selainnya.

Penerimaan dan penggulungan syarikat sel terlindung Labuan dan pelikuidasian sel

130zB. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam penerimaan dan penggulungan sesuatu syarikat sel terlindung Labuan atau mana-mana sel Labuan syarikat sel terlindung itu, pelikuidasi yang diluluskan—

- (a) adalah terikat untuk berurusan dengan aset am syarikat sel terlindung Labuan itu atau aset sel setiap sel syarikat sel terlindung Labuan mengikut kehendak yang dihuraikan dalam subseksyen 130s(3); dan
- (b) dalam penunaian tuntutan pemiutang syarikat sel terlindung Labuan itu atau setiap sel syarikat sel terlindung Labuan hendaklah menggunakan aset syarikat sel terlindung Labuan itu bagi mereka yang berhak untuk membuat tuntutan kepadanya selaras dengan peruntukan Bahagian ini.

(2) Peruntukan yang berhubungan dengan pembahagian harta atas penerimaan dan penggulungan hendaklah terpakai bagi syarikat sel terlindung Labuan itu, tertakluk kepada apa-apa ubah suaian yang perlu untuk menjadikannya selaras dengan Bahagian ini.

Pemakaian Akta ini

130zc. Bagi mengelakkan keraguan, semua peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan syarikat Labuan hendaklah terpakai bagi suatu syarikat sel terlindung Labuan, dan jika konteksnya membenarkan atau menghendaki, hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu bagi suatu sel sesuatu syarikat sel terlindung Labuan.”.

Pindaan Bahagian IX

79. Tajuk Bahagian IX Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “PELBAGAI” dengan perkataan “PENERIMAAN DAN PENGGULUNGAN”.

Pindaan seksyen 131

80. Seksyen 131 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “(setakat mana ianya berhubung dengan suatu syarikat yang dihadkan oleh syer)”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Seorang pelikuidasi yang dilantik di bawah peruntukan Bahagian ini hendaklah menjadi seorang pelikuidasi yang diluluskan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen 12(1).”.

Seksyen baru 131A

81. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 131 seksyen yang berikut:

“Tatacara alternatif bagi penggulungan sukarela syarikat Labuan yang solven

131A. (1) Jika sesuatu syarikat Labuan telah berhenti beroperasi dan telah menjelaskan segala hutang dan liabilitinya, mana-mana pegawai atau anggota syarikat Labuan itu boleh, selepas memberikan notis mengikut subseksyen (3) memohon kepada Lembaga untuk suatu perisytiharan pembubaran syarikat Labuan itu.

(2) Suatu permohonan bagi perisytiharan pembubaran di bawah subseksyen (1) hendaklah secara bertulis dan hendaklah disertakan dengan—

(a) akuan berkanun yang dibuat oleh seorang pengarah atau anggota syarikat Labuan itu yang menyatakan—

(i) bahawa syarikat Labuan itu telah berhenti beroperasi dan telah menjelaskan segala hutang dan liabilitinya (selain hutang dan liabiliti yang terhutang kepada anggotanya); dan

(ii) bahawa notis yang dikehendaki oleh subseksyen (3) telah diberikan mengikut subseksyen itu dan tarikh notis terakhir sedemikian telah disiarkan atau diposkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(b) suatu salinan notis yang diberikan di bawah subseksyen (3); dan

(c) notis bertulis daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri bahawa ia tiada bantahan kepada Lembaga membuat perisytiharan pembubaran syarikat Labuan itu.

(3) Sebelum membuat permohonan kepada Lembaga di bawah seksyen ini, pemohon hendaklah memastikan bahawa notis yang membawa maksud bahawa pemohon bercadang untuk memohon kepada Lembaga untuk suatu perisytiharan pembubaran syarikat Labuan itu dan bahawa Lembaga boleh membubarkan syarikat Labuan itu melainkan jika bantahan bertulis dibuat kepada Lembaga dalam masa tiga puluh hari dari tarikh notis itu diposkan—

(a) telah disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dan satu akhbar kewangan antarabangsa dalam suatu iklan; dan

(b) telah dihantar dengan pos berdaftar kepada setiap pengarah dan kepada setiap anggota syarikat Labuan itu ke alamat terakhir yang diketahui oleh syarikat Labuan itu.

(4) Lembaga tidak boleh membuat perisytiharan pembubaran sesuatu syarikat Labuan lebih awal daripada tiga puluh hari selepas tarikh penyiaran atau pengeposan, mengikut mana-mana yang berkenaan, notis terakhir yang disiarkan atau diposkan bagi maksud subseksyen (3).

(5) Apabila diterima apa-apa bantahan bertulis terhadap pembubaran syarikat Labuan itu, Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemohon bagi perisytiharan pembubaran itu mengenai penerimaan bantahan itu dan identiti pembantah itu.

(6) Jika seseorang pengarah, anggota atau pemiutang sesuatu syarikat Labuan telah membantah pembubaran syarikat Labuan itu, Lembaga tidak boleh mengisytiharkan pembubaran syarikat Labuan itu, melainkan jika—

- (a) pengarah, anggota atau pemiutang, mengikut mana-mana yang berkenaan, menarik balik bantahan itu; atau
- (b) Lembaga memutuskan bahawa bantahan itu sama sekali tidak berjustifikasi dan pembantah tidak merayu kepada Mahkamah terhadap keputusan Lembaga dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh dia diberitahu mengenai keputusan itu, dan Mahkamah telah mengekalkan keputusan Lembaga.

(7) Jika Lembaga tidak dilarang daripada mengisytiharkan pembubaran sesuatu syarikat Labuan menurut seksyen ini dan bersetuju dengan pembubaran itu, ia hendaklah memberitahu syarikat Labuan itu bahawa, tertakluk kepada memorandum dan perkara persatuan syarikat Labuan itu, ia berhak untuk membahagikan aset lebihannya di kalangan anggotanya mengikut hak dan kepentingan mereka masing-masing.

(8) Syarikat Labuan itu hendaklah memberitahu Lembaga bahawa aset lebihannya telah dibahagikan mengikut subseksyen (7).

(9) Apabila diterima pemberitahuan daripada sesuatu syarikat Labuan bahawa aset lebihannya telah dibahagikan mengikut subseksyen (7), Lembaga boleh, melalui penyiaran dalam satu akhbar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dan satu akhbar kewangan antarabangsa, mengisytiharkan bahawa syarikat Labuan itu dibubarkan dan, apabila disiarkan notis itu dalam *Warta*, syarikat Labuan itu hendaklah terubur:

Dengan syarat bahawa liabiliti, jika ada, tiap-tiap pegawai dan anggota syarikat Labuan itu hendaklah diteruskan dan boleh dikuatkuasakan seolah-olah syarikat Labuan itu tidak dibubarkan.

(10) Jika sesuatu syarikat Labuan telah dibubarkan menurut seksyen ini, Mahkamah, atas permohonan yang dibuat oleh Lembaga atau mana-mana orang lain yang pada pendapat Mahkamah mempunyai kepentingan, sebelum habis tempoh enam tahun dari penyiaran notis pembubaran itu, boleh, jika berpuas hati bahawa pada masa pembubaran syarikat Labuan itu ia masih beroperasi atau belum menjelaskan segala hutang dan liabilitinya atau selainnya bahawa adalah adil bagi pembubaran syarikat Labuan itu dibatalkan, memerintahkan pembubaran syarikat Labuan itu dibatalkan dan apabila salinan bermeterai perintah itu dihantarserahkan kepada Lembaga bagi pendaftaran, syarikat Labuan itu hendaklah disifatkan terus wujud seolah-olah ia tidak dibubarkan; dan Mahkamah boleh melalui perintah memberikan apa-apa arahan dan membuat peruntukan yang difikirkannya adil.”.

Bahagian baru X

82. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 131A Bahagian IX Bahagian dan tajuk yang berikut:

“BAHAGIAN X
PELBAGAI”.

Pindaan seksyen 133

83. Seksyen 133 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Lembaga tidak boleh memberi kelulusannya kepada suatu syarikat Labuan yang memohon untuk berpindah ke negara atau bidang kuasa lain melainkan jika Lembaga berpuas hati bahawa—

(a) kehendak subseksyen (2) telah dipatuhi; dan

(b) syarikat itu telah mematuhi peruntukan Akta ini yang ia sepatutnya patuhi,

dan Lembaga boleh memberikan kelulusannya atas apa-apa syarat yang difikirkannya perlu untuk melindungi

hak dan kepentingan sepatutnya seseorang anggota, pemegang debentur atau pemiutang syarikat itu atau suatu kelas anggota, pemegang debentur atau pemiutang syarikat itu dan atas syarikat itu mengambil apa-apa langkah yang didapati perlu oleh Lembaga untuk meremedikan apa-apa kegagalan peruntukan Akta ini.”; dan

- (b) dalam proviso kepada subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Mahkamah (sama ada Mahkamah Tinggi atau selainnya)” dengan perkataan “mahkamah”.

Pindaan seksyen 134

84. Seksyen 134 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Mahkamah”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “mahkamah”.

Pindaan seksyen 135

85. Seksyen 135 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Mahkamah”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “mahkamah”.

Pindaan seksyen 137

86. Perenggan 137(3)(d) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pelikuidasi” dengan perkataan “pelikuidasi yang diluluskan”.

Seksyen baru 137A

87. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 137 seksyen yang berikut:

“Injunksi

137A. (1) Jika seseorang telah terlibat, adalah terlibat, atau bercadang untuk terlibat dalam tingkah laku yang telah menjadi, menjadi, atau akan menjadi—

- (a) pelanggaran Akta ini;

- (b) cubaan untuk melanggar Akta ini;
- (c) cubaan yang membantu, menyubahati, menasihati atau membolehkan seseorang untuk melanggar Akta ini;
- (d) cubaan untuk mendorong, sama ada dengan ancaman, janji atau selainnya, seseorang untuk melanggar Akta ini;
- (e) cubaan yang dengannya mana-mana orang akan dalam apa-apa cara, secara langsung atau tidak langsung, dengan disedarinya menjadi terlibat dalam, atau pihak kepada, pelanggaran Akta ini oleh seseorang; atau
- (f) cubaan berkomplot dengan orang lain untuk melanggar Akta ini,

Mahkamah boleh, atas permohonan Lembaga, atau seseorang yang kepentingannya telah terjejas, sedang terjejas atau akan menjadi terjejas oleh tingkah laku itu, memberikan injunksi, atas apa-apa terma yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah, menghalang orang yang mula-mula disebut itu daripada terlibat dalam tingkah laku itu dan, jika Mahkamah berpendapat wajar untuk berbuat demikian, menghendaki orang itu untuk melakukan apa-apa perbuatan atau benda.

(2) Jika seseorang tidak atau enggan melakukan perbuatan atau benda yang dikehendaki oleh Akta ini supaya dilakukan olehnya, Mahkamah boleh, atas permohonan Lembaga atau mana-mana orang yang kepentingannya telah terjejas, sedang terjejas atau akan terjejas dengan kegagalan atau keengganan orang itu untuk melakukan perbuatan atau benda itu, memberikan injunksi, atas apa-apa terma yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah, menghendaki orang yang mula-mula disebut itu untuk melakukan perbuatan atau benda itu.

(3) Kuasa Mahkamah untuk memberikan injunksi untuk menyekat seseorang daripada terlibat dalam tingkah laku itu boleh dijalankan sama ada atau tidak—

- (a) ternyata kepada Mahkamah bahawa orang itu bercadang untuk terlibat lagi atau terus terlibat, dalam tingkah laku yang seumpama itu;
- (b) orang itu sebelum ini telah terlibat dalam tingkah laku yang seumpama itu; atau

(c) terdapat bahaya pasti kerugian substansial kepada mana-mana orang jika orang yang mula-mula disebut itu terlibat dalam tingkah laku yang seumpama itu.

(4) Kuasa Mahkamah untuk memberikan injunksi yang menghendaki seseorang melakukan sesuatu perbuatan atau benda boleh dijalankan sama ada atau tidak—

(a) ternyata kepada Mahkamah bahawa orang itu bercadang untuk enggan atau sekali lagi tidak, atau untuk terus enggan atau tidak, melakukan perbuatan atau benda itu;

(b) orang itu sebelum ini telah enggan atau telah tidak melakukan perbuatan atau benda itu; atau

(c) terdapat bahaya pasti kerugian substansial kepada mana-mana orang jika orang yang mula-mula disebut itu enggan atau tidak melakukan perbuatan atau benda itu.

(5) Jika Lembaga memohon kepada Mahkamah supaya diberi injunksi di bawah seksyen ini, Mahkamah tidak boleh menghendaki pemohon atau mana-mana orang lain, untuk memberikan aku janji tentang ganti rugi sebagai syarat pemberian injunksi interim.

(6) Jika permohonan bagi injunksi di bawah subseksyen (1) atau (2) telah dibuat, Mahkamah boleh, jika diputuskan oleh Mahkamah sebagai sesuai, memberikan injunksi dengan persetujuan semua pihak kepada prosiding itu, sama ada atau tidak Mahkamah berpuas hati bahawa subseksyen itu terpakai.

(7) Jika pada pendapat Mahkamah wajar berbuat sedemikian, Mahkamah boleh memberikan injunksi interim sementara menunggu penentuan permohonan di bawah subseksyen (1).

(8) Mahkamah boleh membatalkan atau mengubah injunksi yang diberikan di bawah subseksyen (1), (2) atau (7).

(9) Dalam memberikan injunksi untuk menyekat seseorang daripada terlibat dalam tingkah laku tertentu, atau menghendaki seseorang untuk melakukan perbuatan atau benda tertentu,

Mahkamah boleh, sama ada sebagai tambahan kepada atau penggantian bagi pemberian injunksi itu, memerintahkan orang itu untuk membayar ganti rugi kepada mana-mana orang lain.”.

Pindaan seksyen 141

88. Seksyen 141 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “yang dihadkan oleh syer” perkataan “atau jaminan atau suatu syarikat tidak berhad”.

Pindaan seksyen 142

89. Seksyen 142 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “Penalti am” dengan perkataan “Penalti”;
- (b) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Seseorang yang” dengan perkataan “Tertakluk kepada seksyen 142A, seseorang”; dan
 - (ii) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “selainnya”;
- (c) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “lbe” dengan perkataan “be”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “sepuluh”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Jika dalam, atau di sebelah bawah, mana-mana seksyen atau bahagian sesuatu seksyen dalam Akta ini terdapat ungkapan “Penalti ingkar”, ini menunjukkan bahawa seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Akta ini berhubung dengan seksyen atau bahagian itu melakukan suatu kesalahan lanjut terhadap Akta ini jika kesalahan itu berterusan selepas dia disabitkan sedemikian dan boleh dikenakan penalti tambahan bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan

sedemikian yang amaunnya tidak melebihi amaun yang dinyatakan dalam seksyen atau bahagian itu sebagai amaun penalti ingkar atau, jika suatu amaun tidak dinyatakan sedemikian, yang amaunnya tidak melebihi satu ribu ringgit.

(5) Jika kesalahan itu dilakukan oleh seseorang disebabkan oleh kegagalannya untuk mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini yang di bawahnya dia dikehendaki atau diarahkan untuk melakukan apa-apa benda dalam suatu tempoh tertentu, kesalahan itu, bagi maksud subseksyen (1), hendaklah disifatkan berterusan selagi benda yang dikehendaki atau diarahkan supaya dilakukan olehnya belum dilakukan, walaupun tempoh untuk melakukannya telah luput.

(6) Bagi maksud mana-mana peruntukan Akta ini yang memperuntukkan bahawa seseorang pegawai syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing yang ingkar melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini atau boleh dikenakan penalti atau hukuman, ungkapan “pegawai yang ingkar” atau apa-apa frasa yang serupa ertinya seseorang pegawai syarikat yang dengan disedarinya dan dengan sengaja—

- (a) melakukan kesalahan itu; atau
- (b) memberi kuasa atau membenarkan kesalahan itu dilakukan.”.

Seksyen baru 142A

90. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 142 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran

142A. (1) Lembaga boleh mengenakan penalti pentadbiran ke atas mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum membuat keputusan untuk mengenakan penalti pentadbiran ke atas seseorang, menyampaikan notis bertulis kepada orang itu supaya menunjukkan sebab mengapa penalti pentadbiran tidak patut dikenakan ke atasnya.

(3) Jika suatu penjelasan yang memuaskan tidak diterima dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu, Lembaga boleh mengenakan penalti pentadbiran dalam amaun tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari ketidapatuhan dan apa-apa amaun tidaklah boleh melebihi jumlah sepuluh ribu ringgit.

(4) Jika seseorang tidak membayar penalti pentadbiran yang dikenakan oleh Lembaga di bawah subseksyen (3), penalti yang dikenakan oleh Lembaga boleh diambil guaman terhadapnya dan didapatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Lembaga.”.

Pemotongan seksyen 143

91. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 143.

Pindaan seksyen 144

92. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 144 dengan seksyen yang berikut:

“Mengkompaun kesalahan

144. (1) Lembaga boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dengan membuat tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan dengan membayar kepada Lembaga, dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, apa-apa amaun tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh yang dilanjutkan yang diberikan oleh Lembaga, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

(5) Apa-apa wang yang diterima oleh Lembaga di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.”.

Pindaan seksyen 145

93. Seksyen 145 Akta ibu dipinda, dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “his” dengan perkataan “its”.

Pindaan seksyen 146

94. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 146 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan

146. (1) Menteri boleh, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang menetapkan semua perkara dan benda yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini supaya ditetapkan atau diperuntukkan, atau yang perlu atau mudah untuk ditetapkan atau diperuntukkan, bagi perjalanan, atau pelaksanaan sepenuhnya, peruntukan Akta ini.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mengadakan peruntukan bagi—

(a) apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menjadi pelanggaran mana-mana peraturan menjadi suatu kesalahan; dan

(b) penganan penalti denda yang tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”.

Pemotongan seksyen 147

95. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 147.

Pindaan seksyen 148

96. Subseksyen 148(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dalam *Warta*” dengan perkataan “bertulis”.

Pindaan seksyen 149

97. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 149 dengan seksyen yang berikut:

“Kerahsiaan

149. (1) Tiada seorang pun yang dengan apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa rekod, buku, daftar, surat-menyurat, dokumen, bahan atau maklumat yang berhubungan dengan perniagaan dan hal ehwal syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing boleh memberikan, menzahirkan, menyiarkan atau selainnya mendedahkan rekod, buku, daftar, surat-menyurat, dokumen, bahan atau maklumat sedemikian kepada mana-mana orang.

(2) Semua prosiding, selain prosiding jenayah, yang berhubungan dengan sesuatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing hendaklah dimulakan dalam mana-mana Mahkamah, sama ada di bawah peruntukan Akta ini atau bagi menentukan hak atau obligasi pegawai, anggota atau pemegang debentur.

(3) Apa-apa prosiding dan apa-apa rayuan daripadanya hendaklah, melainkan jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya, didengar secara tertutup dan tiada butir-butir prosiding itu boleh disiarkan oleh mana-mana orang tanpa kebenaran Mahkamah.

(4) Peruntukan subseksyen (1) tidak terpakai—

- (a) apabila dikehendaki dengan sah untuk membuat pendedahan itu oleh mana-mana Mahkamah atau di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Lembaga;
- (b) bagi maksud pelaksanaan fungsi penyeliaan Lembaga sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) apabila dikehendaki dengan sah menurut seksyen 22 Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990; atau
- (d) apabila dibenarkan dengan sewajarnya oleh syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing.

(5) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

Penalti: Pemenjaraan selama tiga tahun atau satu juta ringgit atau kedua-duanya.

(6) Tiada apa jua pun dalam seksyen ini boleh menghalang mana-mana Mahkamah daripada menjalankan budi bicaranya untuk menghendaki seseorang supaya mengemukakan apa-apa dokumen atau memberikan apa-apa keterangan dalam apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah yang berkaitan dengan prosiding itu.”.

Pindaan seksyen 150

98. Seksyen 150 Akta ibu dipinda, dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “Kuasa mengecualikan” dengan perkataan “Kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian”.

Pindaan seksyen 151

99. Seksyen 151 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “Fi, penalti dan pemotongan” dengan perkataan “Fi tahunan”; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Suatu syarikat Labuan hendaklah membayar apa-apa fi tahunan yang ditetapkan, pada atau sebelum ulang tahun tarikh pemerbadanan atau penubuhannya dan sekiranya suatu syarikat Labuan digulung sebelum ulang tahun pertamanya, syarikat Labuan itu hendaklah membayar fi tahunan berkadaran dengan bilangan bulan, minggu dan hari syarikat Labuan itu wujud bagi tahun itu.”.

Pindaan seksyen 151c

100. Seksyen 151c Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “pelikuidasi” dengan perkataan “pelikuidasi yang diluluskan”;

- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “pelikuidasi” dengan perkataan “pelikuidasi yang diluluskan”; dan
- (c) dalam perenggan (3)(c), dengan menggantikan perkataan “rasmi” dengan perkataan “yang diluluskan”.

Seksyen baru 151D dan 151E

101. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 151C seksyen yang berikut:

“Pembubaran syarikat Labuan

151D. Jika nama sesuatu syarikat Labuan telah dipotong daripada daftar di bawah seksyen 151 dan kekal dipotong secara terus-menerus daripada daftar selama tempoh tiga tahun, syarikat Labuan itu hendaklah disifatkan telah dibubarkan, tetapi Lembaga boleh memohon kepada Mahkamah pada atau sebelum habis tempoh tiga tahun itu supaya syarikat itu dilikuidasikan dan seorang yang dilantik oleh Mahkamah hendaklah menjadi pelikuidasi yang diluluskan bagi syarikat Labuan itu.

Surat pengesahan dan surat kedudukan baik

151E. (1) Apabila diminta oleh suatu syarikat amanah Labuan atau seorang pelikuidasi yang diluluskan dan atas pembayaran fi yang ditetapkan, Lembaga boleh, jika ia berpuas hati bahawa—

- (a) nama syarikat Labuan itu ada dalam daftar; dan
- (b) syarikat Labuan itu telah membayar semua fi dan penalti yang genap masa dan kena dibayar,

mengeluarkan suatu surat pengesahan di bawah meterainya.

(2) Suatu surat pengesahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan yang berikut:

- (a) nama syarikat Labuan itu, tarikh pemerbadanannya dan nombor syarikat;
- (b) alamat berdaftar syarikat Labuan itu;
- (c) pengarah dan setiausaha syarikat Labuan itu;

- (d) pernyataan untuk menunjukkan sama ada syarikat Labuan itu itu dalam proses penggulungan dan pembatalan atau dipotong daripada daftar; atau
- (e) apa-apa maklumat lain yang diminta oleh syarikat amanah Labuan atau juruaudit yang diluluskan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Jika apa-apa maklumat diserahkan oleh syarikat amanah Labuan kepada Lembaga di bawah Akta ini, Lembaga atau mana-mana pegawai atau pekerjanya yang terlibat dalam pengeluaran surat pengesahan menurut subseksyen (1) tidak boleh didapati bersalah kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh mana-mana orang oleh sebab apa-apa keingkaran, kesilapan atau peninggalan jika dibuat secara suci hati dan dalam perjalanan biasa penunaian kewajibannya.”.

Pindaan seksyen 152

102. Seksyen 152 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “sama ada di bawah subseksyen 6(2) Akta Bank Luar Pesisir 1990 atau subseksyen 9(1) Akta Insurans Luar Pesisir 1990” dengan perkataan “Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:
 - “(1A) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dengan nyata dalam Akta ini, peruntukan Akta Syarikat 1965 tidaklah terpakai bagi suatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta ini.”.

Seksyen baru 153

103. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 152 seksyen yang berikut:

“Pemakaian undang-undang bertulis tertentu

153. (1) Tiada apa jua pun dalam Akta ini boleh menjejaskan pemakaian Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*] dan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.

(2) Dalam pemakaian peruntukan Akta ini bagi mana-mana orang, peruntukan itu hendaklah terpakai tertakluk kepada peruntukan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.

(3) Jika terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, peruntukan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 hendaklah terpakai.

(4) Jika terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996, peruntukan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 hendaklah terpakai.”.

Pemotongan Jadual

104. Akta ibu dipinda dengan memotong Jadual.

Kecualian dan peruntukan peralihan

105. (1) Jika, pada dan selepas tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, sebutan dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Syarikat Labuan 1990.

(2) Jika, pada dan selepas tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, sebutan dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing, sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing, mengikut mana-mana yang berkenaan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 (“Akta 441”).

1. *Fasal 1* Rang Undang-Undang mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan pindaan am yang akan terpakai bagi keseluruhan Akta 441 berkenaan dengan perkataan “luar pesisir”, “Pendaftar” dan “syarikat amanah” yang akan masing-masing digantikan dengan perkataan “Labuan”, “Pendaftar” dan “syarikat amanah Labuan”. Pindaan yang dicadangkan ini adalah berdasarkan usaha penjenamaan baru Labuan sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa Labuan yang baru dan untuk memastikan keselarasan berkenaan dengan nama “Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan” (“LOFSA”) dengan perundangan Labuan yang lain.
3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 441 untuk memasukkan takrif baru dan menggantikan takrif tertentu berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini.
4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memotong seksyen 5 dan 6 Akta 441 berbangkit daripada, antara lain, pindaan yang dibuat kepada seksyen 152 Akta.
5. *Fasal 5* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 441. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memperkemas seksyen itu dengan meniadakan sebutan mengenai kehendak yang sudahpun dinyatakan dalam perundangan Labuan yang lain, untuk membenarkan syarikat Labuan berlesen ditempatkan di dua lokasi, untuk meniadakan kehendak untuk mendapatkan kelulusan LOFSA bagi urus niaga antara pemastautin Malaysia dengan syarikat Labuan dan menggantikannya dengan kehendak untuk memberitahu LOFSA sahaja mengenai urus niaga itu selagi urus niaga itu tidak melanggar Penggal 5, Bahagian IV Akta Syarikat 1965. Pindaan itu juga bertujuan untuk memperkemas peruntukan berkenaan dengan penjalanan perniagaan dengan menggunakan mata wang Malaysia.
6. *Fasal 6* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 441. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pentadbiran syarikat Labuan ialah tanggungjawab LOFSA. Pindaan ini juga bertujuan untuk membolehkan LOFSA mewakili kuasanya kepada mana-mana pegawai diberi kuasa LOFSA.
7. *Fasal 7* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 441 untuk membolehkan entiti selain syarikat amanah untuk menyerahkan dokumen kepada LOFSA.
8. *Fasal 8* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 9A Akta 441 untuk membuat peruntukan mengenai dokumen yang ditandatangani secara elektronik, dan juga untuk memudahkan lagi pemfailan dokumen secara elektronik dengan LOFSA.

9. *Fasal 9* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 9B Akta 441 untuk memastikan keselarasan dengan Akta Keterangan 1950.
10. *Fasal 10* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 9D ke dalam Akta 441 untuk membenarkan LOFSA mengeluarkan dokumen secara elektronik.
11. *Fasal 11* dan *13* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 10 dan 12 Akta 441 masing-masingnya untuk memperuntukkan bahawa kegagalan juruaudit yang diluluskan dan pelikuidasi yang diluluskan untuk menyerahkan atau memfailkan dokumen yang dikehendaki diserahkan atau difailkan di bawah Akta dalam tempoh yang ditentukan menjadi suatu kesalahan.
12. *Fasal 14* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 441 untuk memperluas kuasa LOFSA berkenaan dengan daftar dan tatacara pendaftaran.
13. *Fasal 15* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 441 untuk mengadakan peruntukan mengenai jenis entiti berhubung dengan pembentukan syarikat.
14. *Fasal 16* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 441. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memastikan bahawa tiap-tiap peruntukan Akta 441 membenarkan dan mengambil kira syarikat berhad dengan jaminan.
15. *Fasal 19* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 441. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi dan mengambil kira syarikat berhad dengan jaminan. Pindaan ini juga bertujuan untuk membenarkan memorandum syarikat Labuan didaftarkan dalam huruf, abjad atau bahasa asing asalkan ia disertakan dengan terjemahan bahasa Inggeris yang tepat dan terperinci.
16. *Fasal 20* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 19 Akta 441. untuk memperuntukkan bahawa sesuatu syarikat Labuan mempunyai hak, kuasa dan keistimewaan sepenuhnya untuk menjalankan atau mengusahakan apa-apa perniagaan atau aktiviti, melainkan jika dihadkan oleh memorandum dan perkaranya.
17. *Fasal 21* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 441 untuk membenarkan syarikat Labuan menggunakan dan mendaftarkan nama yang mengandungi huruf atau abjad yang bukan huruf atau abjad rumi. Pindaan ini dicadangkan untuk memudahkan pelabur dari Asia dan Timur Tengah.
18. *Fasal 22* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta 441 untuk menaikkan penalti kerana ketidakpatuhan arahan LOFSA berkenaan dengan perubahan nama syarikat Labuan daripada satu ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.

19. *Fasal 23* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 23 Akta 441 untuk membenarkan syarikat Labuan menyerahkan perkara persatuannya dalam huruf, abjad atau bahasa asing untuk memudahkan pelabur dari Asia dan Timur Tengah.
20. *Fasal 24* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 25 Akta 441 untuk menaikkan penalti bagi ketidakpatuhan dengan seksyen itu daripada satu ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.
21. *Fasal 25* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 26 Akta 441 untuk memperuntukkan bahawa suatu syarikat Labuan boleh, jika dibenarkan oleh perkaranya, menubuhkan cawangan atau pejabat di mana-mana bahagian dunia tetapi tidak di mana-mana bahagian Malaysia selain Labuan melainkan jika syarikat itu mendapat kelulusan LOFSA.
22. *Fasal 26* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda Bahagian IV Akta 441 dengan memotong Penggal 1 dan 2 masing-masing yang mengandungi seksyen 28 hingga 39 dan seksyen 40 hingga 42. Pemotongan ini perlu berbangkit daripada kewujudan undang-undang khusus mengenai sekuriti (termasuk syer dan debentur), iaitu, Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan yang dicadangkan. Pemotongan ini bertujuan untuk mengelakkan pertindihan perundangan yang meliputi hal perkara yang sama.
23. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 43 Akta 441 untuk membenarkan LOFSA untuk menghendaki dokumentasi sokongan daripada sesuatu syarikat Labuan berkenaan dengan penyata pengumpulannya.
24. *Fasal 28* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 46 Akta 441 untuk membolehkan konsep dan pembangunan moden dipakai dan untuk menggalakkan pertumbuhan Labuan sebagai pusat dana persendirian serta untuk mengadakan peruntukan bagi syer syarikat Labuan menjadi syer tiada nilai tara. Pindaan ini juga bertujuan untuk memberikan fleksibiliti kepada syarikat untuk menstruktur semula modal mereka.
25. *Fasal 29* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 47 Akta 441 untuk membenarkan sesuatu syarikat Labuan untuk menerbitkan syer yang boleh dibahagikan kepada satu kelas atau lebih dan juga untuk menerbitkan pecahan syernya.
26. *Fasal 30* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 47A ke dalam Akta 441 untuk membenarkan pewujudan syer perbendaharaan.
27. *Fasal 31* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 48 Akta 441 untuk membezakan dengan jelas peruntukan mengenai bantuan kewangan dengan peruntukan mengenai beli balik syer yang akan dimasukkan ke dalam seksyen baru 48A Akta 441.

28. *Fasal 32* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 48A ke dalam Akta 441 untuk memperuntukkan bagi pembelian balik syer. Sesuatu syarikat Labuan dibenarkan membeli balik syernya sendiri dengan syarat ia solven dan berupaya untuk membayar hutangnya dengan sepenuhnya pada tarikh pembayaran atau transaksi.

29. *Fasal 33* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memotong seksyen 49 dan 50 Akta 441. Pemotongan yang dicadangkan itu bertujuan untuk meniadakan peruntukan mengenai penerbitan syer dengan diskaun selaras dengan kebenaran konsep tiada syer nilai tara dan tiada kehendak modal syer dibenarkan dan pemansuhan akaun premium syer untuk memberi syarikat fleksibiliti lebih dalam menstruktur modal mereka.

30. *Fasal 34* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 51 Akta 441 untuk memperuntukkan kehendak yang kurang ketat mengenai perubahan modal syer seperti syarikat domestik di bawah Akta Syarikat 1965 Malaysia dan semua negara yang ditanda aras. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperkemas seksyen itu selaras dengan syor untuk meniadakan had ke atas modal syer dibenarkan dan meniadakan kehendak menyerahkan notis dengan LOFSA bagi apa-apa pertambahan modal syer.

31. *Fasal 35* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 53 Akta 441 untuk membolehkan kaedah alternatif bagi pengurangan modal syer, tanpa pengesahan Mahkamah, sebagai tambahan kepada kaedah yang ada sekarang di bawah seksyen itu yang menghendaki pengesahan Mahkamah.

32. *Fasal 36* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 55 Akta 441 untuk meringkaskan seksyen itu selaras dengan perkembangan moden. Pindaan ini bercadang untuk meniadakan keperluan menebus syer daripada keuntungan atau penerbitan baru syer dan untuk meniadakan kehendak memfailkan notis dengan LOFSA apabila sesuatu syarikat menebus syernya.

33. *Fasal 37 dan 39* Rang Undang-Undang masing-masing bertujuan untuk memotong seksyen 56 dan 57 Akta 441 dan seksyen 61, 62, 63, 64 dan 65 Penggal 4 Bahagian IV Akta 441. Pemotongan itu berbangkit daripada pewujudan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 yang akan memperuntukkan bagi penerbitan bon dari Labuan dan penyertaan pelabur pemastautin dalam penerbitan bon.

34. *Fasal 38* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 58 Akta 441 untuk mewujudkan kehendak yang lebih ketat berkenaan dengan pemantauan debentur berdaftar, sementara mengurangkan kehendak pemfailan.

35. *Fasal 43 hingga 47* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 81, 83, 84, 85 dan 86 Akta 441 untuk memperuntukkan kenaikan dalam peruntukan penalti daripada satu ribu ringgit atau dua ribu ringgit, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada sepuluh ribu ringgit bagi setiap ketidakpatuhan peruntukan itu.

36. *Fasal 48 dan 49* Rang Undang-Undang masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 87 dan 88 Akta 441. Pindaan itu adalah pindaan berbangkit dan adalah selaras dengan pindaan yang dicadangkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009.

37. *Fasal 50* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 90 Akta 441 untuk menambah alasan untuk menghilangkan kelayakan pengarah.

38. *Fasal 51* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 91 Akta 441 untuk mengadakan peruntukan yang lebih ketat mengenai pendedahan kepentingan dan meluaskan kepentingan pengarah sebagai termasuk kepentingan anggota keluarga pengarah itu.

39. *Fasal 52* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 92 Akta 441 untuk mengenakan kewajipan ke atas juruaudit untuk mendedahkan kesalahan pengarah, untuk meliputi prinsip pertimbangan perniagaan, untuk mengawal selia penggantungan pengarah pada maklumat yang diberikan oleh orang lain dan untuk memperuntukkan tanggungjawab orang yang diwakilkan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat 1965 Malaysia. Pindaan itu juga mengadakan peruntukan bagi, berhubung dengan apa-apa perisytiharan kesolvenan yang palsu, liabiliti jenayah pengarah, dan liabiliti anggota bagi amaun yang diterima melainkan jika mereka menerima pembahagian itu dengan suci hati.

40. *Fasal 53* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 93 Akta 441 untuk menjelaskan peruntukan di dalamnya.

41. *Fasal 56* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 94B ke dalam Akta 441 untuk membuat peruntukan mengenai pemecatan pengarah melalui ketetapan pemegang syer.

42. *Fasal 57* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 95 Akta 441 untuk memperluas tempat dan cara yang menurutnya anggota syarikat Labuan boleh menjalankan mesyuarat mereka.

43. *Fasal 58* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 101A ke dalam Akta 441. Pindaan yang dicadangkan itu bertujuan untuk memberi syarikat Labuan fleksibiliti dan budi bicara dalam menjalankan mesyuarat dan prosiding dengan membenarkan syarikat Labuan itu meluluskan ketetapan khas tanpa mesyuarat secara fizikal dan secara bertulis.

44. *Fasal 59* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memotong seksyen 103 Akta 441 untuk mengurangkan senarai dokumen yang kena diserahkan dengan LOFSA oleh syarikat Labuan apabila diperbadankan dan sepanjang hayat syarikat Labuan dengan memotong kehendak mengenai penyerahan salinan ketetapan.

45. *Fasal 60* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 105 Akta 441 untuk menaikkan penalti kerana ketidakpatuhan peruntukan itu daripada dua ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.

46. *Fasal 61* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 109 Akta 441 untuk meringkaskan kehendak berkenaan dengan penyata tahunan.
47. *Fasal 63* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 111 Akta 441 untuk menjelaskan dan memberikan fleksibiliti berkenaan dengan kehendak akaun dan audit dengan memberi LOFSA kuasa untuk melanjutkan tempoh akhir bagi pengemukaan akaun teraudit berdasarkan kes demi kes, dan untuk mengurangkan tatacara pemfailan yang tidak perlu.
48. *Fasal 64* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 113 Akta 441 untuk menjelaskan bahawa hanya aktiviti dilesenkan dan tawaran awam perlu diaudit oleh juruaudit luar. Oleh itu, syarikat Labuan dan syarikat Labuan asing tidak perlu melantik juruaudit melainkan jika dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis atau jika diperuntukkan sedemikian oleh perkara syarikat itu.
49. *Fasal 67* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 117 Akta 441 untuk mengenakan kewajipan ke atas juruaudit untuk melaporkan kepada LOFSA jika juruaudit itu mendapati suatu kesalahan serius yang melibatkan fraud atau kecurangan dilakukan terhadap suatu syarikat Labuan oleh pegawai syarikat Labuan itu.
50. *Fasal 69* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan empat seksyen baru, iaitu seksyen 118A, 118B, 118C dan 118D, ke dalam Akta 441 untuk membenarkan percantuman syarikat Labuan atas kehendak mereka sendiri di bawah proses percantuman dan tanpa kelulusan mahkamah, apabila ujian kesolvenan dipenuhi. Pindaan yang dicadangkan itu juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi percantuman syarikat Labuan dengan perbadanan asing dan untuk mengadakan peruntukan bagi percantuman bentuk pendek bagi dua subsidiari milik penuh atau dengan syarikat pemegang.
51. *Fasal 71 dan 73* Rang Undang-Undang masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 120 dan 122 Akta 441 untuk melonggarkan kehendak bagi penyiaran dalam *Warta* kepada pemberitahuan secara bertulis.
52. *Fasal 74* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 123 Akta 441 untuk menaikkan penalti bagi ketidakpatuhan peruntukan itu daripada satu ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.
53. *Fasal 75* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 124 Akta 441 untuk memperuntukkan bahawa perakuan yang dikeluarkan oleh LOFSA di bawah meterainya hendaklah menjadi keterangan *prime facie* dalam semua mahkamah tentang perubahan nama syarikat Labuan asing.
54. *Fasal 76* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 127 Akta 441. Pindaan ini bertujuan untuk memberi LOFSA kuasa untuk melantik pelikuidasi yang diluluskan bagi suatu syarikat Labuan asing yang dilikuidasikan atau dibubarkan di tempat pemerbadanannya, penubuhannya atau tempat asalnya.

55. *Fasal 77* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memotong Bahagian VIII_A, yang mengandungi seksyen 130_A hingga 130_M, Akta 441. Pindaan yang dicadangkan ini adalah pindaan berbangkit daripada penyatuan perundangan yang menguruskan pelesenan syarikat Labuan yang menjalankan pengurusan syarikat di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 yang dicadangkan.

56. *Fasal 78* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru VIII_B ke dalam Akta 441 untuk membenarkan pemerbadanan entiti baru selaras dengan perkembangan moden dan untuk menggalakkan pertumbuhan Labuan sebagai pusat dana persendirian dengan memperuntukkan bagi penubuhan syarikat sel terlindung Labuan. Bahagian baru itu membuat peruntukan mengenai pemakaiannya, pemerbadanannya atau pertukarannya, memorandum dan perkara, syer dan modal, akaun dan audit, penggulungan, pemegang syer, pengasingan aset, urus niaga dan liabiliti, dan hak pemiutang.

57. *Fasal 79* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan tajuk Bahagian baru IX ke dalam Akta 441 supaya mewujudkan suatu bahagian yang mengadakan peruntukan secara khusus mengenai penerimaan dan penggulungan.

58. *Fasal 80* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 131 Akta 441 untuk menjelaskan takrif pelikuidasi sebagaimana yang disebut dalam seksyen itu.

59. *Fasal 81* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 131_A ke dalam Akta 441 untuk memperuntukkan tatacara alternatif bagi penggulungan sukarela syarikat Labuan yang lebih ringkas.

60. *Fasal 82* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan tajuk Bahagian baru X ke dalam Akta 441 supaya mewujudkan suatu bahagian yang mengadakan peruntukan mengenai peruntukan pelbagai.

61. *Fasal 83* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 133 Akta 441 untuk memperuntukkan langkah-langkah pemulihan untuk menyelamatkan syarikat yang tidak berupaya untuk membayar hutang dengan mengadakan pengurusan kehakiman.

62. *Fasal 87* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 137_A ke dalam Akta 441 untuk memberikan kuasa mendapatkan injunksi kepada LOFSA sebagaimana yang ada pada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam Akta Syarikat Malaysia.

63. *Fasal 89* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 142 Akta 441 untuk menyelaraskan peruntukan Akta 441 dengan memasukkan peruntukan seksyen 143 yang ada sekarang ke dalam seksyen itu.

64. *Fasal 90* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 142_A ke dalam Akta 441 untuk memperuntukkan penalti pentadbiran.

65. *Fasal 92* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 144 Akta 441 untuk memperuntukkan bahawa LOFSA hendaklah mendapatkan keizinan Pendakwa Raya sebelum mengkompaun kesalahan di bawah Akta 441.

66. *Fasal 94* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 146 Akta 441 untuk memberi LOFSA kuasa untuk membuat syor kepada Menteri mengenai pembuatan peraturan-peraturan.

67. *Fasal 95* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memotong seksyen 147 Akta 441 untuk meniadakan sekatan ke atas syarikat Labuan yang memegang syer dan mempunyai obligasi hutang di Malaysia secara keseluruhan selaras dengan syor untuk membangunkan Labuan sebagai bidang kuasa syarikat pemegang bagi pelabur Malaysia dan asing kedua-duanya dengan mengambil kira undang-undang dan dasar domestik yang memantau pemunyaan asing.

68. *Fasal 96* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 148 Akta 441 untuk melonggarkan kehendak penyiaran dalam *Warta* kepada pemberitahuan secara bertulis.

69. *Fasal 97* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 149 Akta 441 dan pindaan yang dicadangkan itu bertujuan untuk mengekalkan peruntukan kerahsiaan di bawah Akta kecuali dalam perkara jika pihak-pihak yang terlibat bersetuju kepada pendedahan maklumat itu atau dengan perintah Mahkamah Tinggi dan jika pendedahan itu dikehendaki dengan sah.

70. *Fasal 99* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 151 Akta 441. Pindaan yang dicadangkan itu bertujuan untuk memperluas peruntukan mengenai pemotongan yang ada sekarang supaya meliputi hal keadaan lain selain kegagalan untuk membayar fi tahunan.

71. *Fasal 101* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 151D hingga 151E ke dalam Akta 441 untuk menerima pakai peruntukan seksyen 308 Akta Syarikat 1965 berkenaan dengan pemotongan syarikat yang tidak aktif.

72. *Fasal 102* Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda seksyen 152 Akta 441 untuk menyatukan peruntukan seksyen 5 Akta 441 dengan seksyen ini untuk menyelaraskan peruntukan yang ada sekarang.

73. *Fasal 103* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 153 ke dalam Akta 441 untuk mengesahkan pemakaian Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996. Jika peruntukan Akta 441 tidak selaras dengan peruntukan Akta-Akta itu, Akta-Akta itu hendaklah terpakai.

74. *Fasal 105* Rang Undang-Undang memperuntukkan bagi peruntukan kecualian dan peralihan dengan mengambil kira pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang.

75. Pindaan lain yang tidak disebut secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan kecil atau pindaan berbangkit.

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2670]